



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATUK MOHD YUSOF BIN HASLAM
PENGARAH SKOP PRODUCTION**

OLEH:

FATHIN FARIHAH BINTI MD AMIN

2011416578

ARNI JAMALINA BINTI AHMAD JAMILI

2011877472

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATUK MOHD YUSOF BIN HASLAM
PENGARAH SKOP PRODUCTION**

OLEH:

FATHIN FARIHAH BINTI MD AMIN

2011416578

ARNI JAMALINA BINTI AHMAD JAMILI

2011877472

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

PENGHARGAAN

Penghargaan

Bersyukur kami ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNYA, dapat kami siapkankan projek kami ini dengan jayanya. Di harapkan agar projek kami ini dapat memberikan manfaat dan dijadikan rujukan kepada pihak yang berminat. Pertama sekali, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Yusof bin Haslam, penggiat seni tanah air yang sangat dihormati dan disegani ramai kerana kesudian beliau untuk diwawancara sebagai tokoh dalam memberikan banyak jasa kepada negara. Kesudian dan kerjasama beliau amatlah dihargai dan diucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada beliau.

Kami juga ingin merakamkan ribuan terima kasih Puan Kamariah binti Chik, pensyarah kami untuk subjek ini, Documenting Oral Tradition (IMR 603) dengan usaha yang telah beliau berikan, memberikan kami nasihat dan mengajar kami cara-cara untuk membuat dan menyiapkan kerja projek ini. Tanpa bantuan dan tunjuk ajar beliau kami pasti menghadapi masalah dan sukar untuk menyiapkan tugas ini.

Disamping itu juga, ucapan ribuan terima kasih kepada keluarga kami dan rakan-rakan yang tidak putus-putus memberikan sokongan dan semangat dalam menyiapkan tugas ini. *Jasa dan kerjasama dari semua pihak amat kami hargai sesungguhnya hanya Allah S.W.T. sahaja yang mampu membalasnya.*

Sekian, terima kasih

Fathin Fariah binti Md Amiin

2011416578

Arni Jamalina binti Ahmad Jamili

2011877472

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Abstrak.....	i
Biodata Tokoh.....	ii
Pengenalan.....	vi
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	2
Bahagian B: Pencapaian Tertinggi Tokoh.....	11
Bahagian C: Harapan Tokoh.....	39
Bahagian D: Jumlah Filem Yang Telah Tokoh Terbitkan.....	55
Log Wawancara	62
Indeks	65
Senarai Soalan	68
Rujukan	73
Lampiran	75
Surat kebenaran	
Surat Perjanjian	
Gambar	


ABSTRAK

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Datuk Mohd Yusof Bin Haslam atau lebih dikenal sebagai Datuk Yusof Haslam mengenai kerjaya beliau dalam bidang pengarah. Transkrip temubual ini dijalankan di dalam pejabat beliau sendiri di Skop Production Sdn Bhd di Taman Danau Kota, off Jalan Genting Kelang, Kuala Lumpur pada 16 Oktober 2013 bermula jam 3.00 petang. Beliau merupakan salah seorang penggiat seni tanah air yang terkenal bukan sahaja di Malaysia bahkan di peringkat antarabangsa. Beliau telah menceburi bidang seni sejak berusia belasan tahun hinggalah ke hari ini. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang serta pengalaman beliau sepanjang penglibatan dalam bidang seni bermula dari seorang pelakon tambahan sehinggalah mengarah drama dan filem. Temubual ini menumpukan tentang pengalaman beliau sepanjang menjadi anak seni.

Kata kunci: Datuk Yusof Haslam, Skop Production, pelakon, pengarah, filem, drama.

BIODATA TOKOH

Biodata Tokoh



Nama	:	Mohd Yusof bin Mohd Haslam
Panggilan	:	Dato Yusuf Haslam
Umur	:	59 Tahun
Tarikh Lahir	:	24 April 1954
Asal	:	Jalan Pahang, Kuala Lumpur
Status	:	Berkahwin
Kerjaya	:	Pengarah, Penerbit, Penulis Skrip, Pelakon
Bilangan adik-beradik	:	Tujuh Orang (Anak keempat)
Pendidikan	:	Sekolah Kebangsaan Polis Depot Sekolah Menengah Aminuddin Baki
Isteri	:	Datin Fatimah Ismail
Nama Anak	:	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mohd Faizal bin ▪ Mohd Syamsul bin Mohd Yusof ▪ Mohd Syafiq bin Mohd Yusof ▪ Nursyamin bte Mohd Yusof
Anugerah dan Pingat	:	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ahli Mangku Negara (A.M.N) pada tahun 1993 ▪ Panglima Jasa Negara (P.J.N) pada tahun 2001 ▪ Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik di Festival Filem Malaysia pada tahun 1984 menerusi filem Mekanik ▪ Anugerah Pencapaian Seri Temasik ▪ Anugerah Blockbuster

Anak Syarikat	:	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Haslam Trading (Restoran) ▪ Haslam Properties (Hartanah) ▪ Skop Publishing (Novel dan Buku) ▪ ME Production
Filem Arahkan	:	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bayangan Maut (1991) ▪ Pemburu Bayang (1993) ▪ Sembilu (1994) ▪ Sembilu II (1995) ▪ Maria Mariana (1996) ▪ Maria Mariana II (1998) ▪ Bara (1998) ▪ Pasrah (1999) ▪ Gerak Khas The Movie (2000) ▪ Gerak Khas II The Movie (2001) ▪ Janji Diana (2002) ▪ Gerak Khas III The Movie (2005) ▪ Sembilu (2005)
Drama dan Filem Lakonan	:	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Permintaan Terakhir ▪ Bukit Kepong ▪ Penentuan ▪ PJ ▪ Remang-remang Kotaraya ▪ Roda-roda Kotaraya ▪ Wira Angkasa ▪ Bayangan Maut ▪ Pemburu Bayang ▪ Sembilu ▪ Sembilu II ▪ Maria Mariana ▪ Bara ▪ Gemilang

	<ul style="list-style-type: none">▪ Pasrah▪ Gerak Khas▪ Gerak Khas The Movie
--	--

PENGENALAN

Pengenalan

Tugas ini dijalankan di bawah kursus IMR 604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Kami pelajar dari Fakulti Pengurusan Sistem Maklumat telah ditugaskan untuk menjalankan satu projek pendokumentasian sejarah lisan bersama tokoh yang telah dipilih. Bagi memenuhi kriteria projek pendokumentasian ini, tokoh pilihan tersebut haruslah berusia lebih kurang 50 tahun dan ke atas serta mempunyai banyak pengalaman dalam bidang kerjayanya. Kami terdiri daripada dua orang ahli iaitu Fathin Fariah Binti Md Amin dan Arni Jamalina Binti Ahmad Jamili telah memilih Datuk Mohd Yusof Bin Haslam atau lebih dikenali sebagai Datuk Yusof Haslam sebagai tokoh untuk projek pendokumentasian sejarah lisan.

Datuk Yusof Haslam merupakan seorang anak seni yang telah banyak memberi sumbangan dalam seni perfileman kepada tanah air. Beliau mula bergiat dalam bidang lakonan semenjak belasan tahun. Bermula dari situlah beliau belajar sedikit demi sedikit ilmu mengarah drama dan filem sehinggalah beliau menubuhkan sebuah syarikat perfileman iaitu Skop Production. Beliau bukanlah datang daripada keluarga yang senang. Dengan tarah kehidupan yang tidak seberapa itulah yang telah meningkatkan semangat beliau untuk bekerja keras bagi memperoleh kehidupan yang stabil serta dapat memartabatkan seni perfileman di Malaysia. Dengan semangat beliau yang begitu jitu telah membuatkan kami untuk mengenali beliau dengan lebih mendalam lagi justeru dapat menyiapkan tugas kami.

Sesi wawancara bersama Datuk Yusof Haslam telah diadakan di pejabat beliau sendiri di Skop Production yang beralamat 65-2, Jalan 3/23A, Taman Danau Kota, Off Jalan Genting Kelang, 53300, Kuala Lumpur. Sesi wawancara ini telah dilakukan semasa cuti pertengahan semester bersamaan 18 Oktober 2013 tepat jam 3.00 petang dan berlangsung selama kira-kira dua jam.

TRANSKRIP

Petunjuk:

AJ : Arni Jamalina Binti Ahmad Jamili

FF : Fathin Fariah Binti Md Amin

DYH : Datuk Yusof Haslam

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

AJ : Kami ingin membuat transkrip

DYH : **Apa yang awak nak? Awak dari UiTM?**

AJ : Ya.

DYH : **Baiklah. Apa yang awak mahu tanya?**

AJ : Baiklah. Pertama kalinya saya Arni dan Fathin. Kami dari UiTM Machang, Kelantan.

DYH : **UiTM mempunyai cawangan pada setiap negeri bukan?**

AJ : Ya. UiTM mempunyai cawangan pada setiap negeri.

DYH : **UiTM mempunyai cawangan setiap negeri ya. Berapa banyak semuanya itu ya? Satu Malaysia berapa pelajarinya?**

AJ : Lebih seratus ribu.

DYH : Seratus ribu? Seratus ribu pelajar setiap tahun? Bila habis sahaja kamu semua punya tamat belajar, berapa ribu yang keluar itu ya?

AJ : Lebih kurang macam itu. Tidak macam itu, ia berdasarkan kemasukan pelajar dalam UiTM itu sendiri.

DYH : Banyak peluang pekerjaan ya. Bidang apa yang kamu ambil?

AJ : Pengurusan Sistem Maklumat

DYH : Kamu? (sambil menunjukkan kepada Fathin)

FF : Ya. Sama. Kami mengambil kos yang sama.

DYH : Baiklah. Apa lagi yang kamu ingin tahu? Baiklah. Kamu tanyalah.

AJ : Baiklah, pertama kalinya boleh perkenalkan diri Datuk?

DYH : Apa yang nak dikenalkan? Sudah nama pun awak dah kenal. Nak kenalkan apa. Kalau awak pergi temuramah orang lain, sudah teruk kamu kena halau.

AJ : Nama sebenar Datuk?

DYH : Nama sebenar Yusof Haslam. Nama Khan tiada ya. Dalam kad pengenalan sebenarnya bapa saya berketurunan Khan. Sebenarnya dalam kad pengenalan nama saya Mohd Yusof bin Haslam. Baiklah apa lagi awak nak tanya?

AJ : Bolehkah Dato cerita mengenai latar belakang Dato?

DYH : Saya rasa kamu ambil ke latar belakang saya *online* [dalam talian].

AJ : Kami ambil tetapi kami ingin tahu lebih mendalam mengenai latar belakang Datuk.

DYH : Ramai orang yang jumpa saya, ramai yang cakap. Sekarang ini boleh cari melalui dalam talian kerana semua sudah ada didalam itu. Tidak mengapalah saya akan beritahu kamu. Ya latar belakang saya, umur saya sekarang *lima puluh Sembilan* [59] tahun, saya dulu bersekolah di Sekolah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur. Dulu saya belajar sampai sekolah menengah sampai tingkatan lima, sampai saya tamat *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia].

(kakitangan Skop Production masuk ke bilik temuramah dan berbincang dengan Datuk Yusuf Haslam)

Apa tadi saya cakap? Lupa. Maafilah kerana banyak gangguan.

AJ : Sekolah?

DYH : Sekolah di Sekolah Aminuddin Baki. Masa mula-mula dahulu Sekolah Kebangsaan Polis Depot di Kuala Lumpur. Selepas itu, selepas saya sekolah menengah saya pindah ke Sekolah Aminuddin Baki, di Kampung Pandan, sampai tingkatan lima, saya ambil *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia]. Selepas *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] saya berhenti dan tidak sambung belajar lagi. Saya berkerja bermacam-macam kerja. Saya pernah bekerja sebagai

kondaktor bas, usia saya pada masa itu *tujuh belas tahun* [17]. Selepas tamat persekolah, saya tidak bekerja. Jadi bermacam-macam pekerjaan saya telah lakukan dimana gaji pada masa itu *tujuh ringgit* [RM7] semasa saya bekerja di Srijaya. Itu pun bapa saya marah-marah. Saya tidak mahu kerja itu. Saya mendapat kerja sebagai pegawai penjara di Taiping, tetapi saya tidak pergi kerana saya tidak berminat menjadi pegawai penjara. Tetapi kalau polis bantuan saya berminat. Jadi polis bantuan pada masa itu, saya nak temuduga ramai, tetapi jika kita anak polis, kita boleh dapat. Tetapi saya bukan anak polis. Tetapi ada kawan saya seorang ini namanya Ripin, dia gred tiga juga sama dengan saya, dapat polis tetapi dia sudah pencen sekarang.

AJ : Dapat kerana ayahnya seorang polis?

DYH : Ya. Kerana bapanya seorang polis. Bapa saya juga seorang polis tetapi dia polis British. Pada zaman Jepun dahulu bapa saya menjadi polis British. Selepas Malaysia merdeka dia pun berhenti menjadi polis. Jadi itu tidak diiktiraf sebagai polis zaman merdeka ini. Saya bercita-cita ingin menjadi polis. Saya minta untuk menjadi anggota biasa sahaja. Ada juga kawan saya Gred tiga, dia masuk menjadi Konstabel dan menjadi pegawai tinggi. Semasa dia menjadi konstabel dia belajar, jadi dia naik pangkat sehingga dia masuk *maktab* [pusat pengajian]. Tetapi saya masa itu memang tengah hidup susah. Tinggal dengan bapa di rumah setingan, adik beradik ramai, jadi kena mencari kerja dan mesti teruskan hidup. Kita tiada masa

memikirkan soal belajar, jadi saya mengisi waktu kadang-kadang dengan menjadi pelakon tambahan, gaji *lapan ringgit* [RM8] semasa zaman hitam putih pada masa itu. Kemudian saya pergi *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] [stesen televisyen di Malaysia] dan berlakon menjadi pelakon tambahan di *RTM* [Radio Televisyen Malaysia]. Semasa itu usia saya dalam tujuh belas hingga lapan belas tahun, sampailah saya bermain filem dimana masa itu saya berumur *dua puluh tahun* [20 tahun], filem *Permintaan Terakhir* lakonan *Uji Rashid* [penyanyi dan pelakon terkenal pada zaman 70-an]. Itulah permulaannya kemudian saya bekerja di *Usahajaya*, saya tumpu sepenuhnya menjadi pelakon filem. Masa itu zaman daif, ia tidak mempunyai *Astro*, tidak mempunyai *TV3* [siaran televisyen di Malaysia], yang ada hanya *RTM1* [siaran televisyen di Malaysia] sahaja. Jadi semasa proses saya berlakon filem itu, barulah saya tahu indah khabar dari rupa. Contohnya macam nasib *P. Ramlee* [penyanyi dan pelakon terkenal pada zaman 50an-70an], dia seniman besar dan nak teruskan hidup juga *payah* [susah], jadi disebabkan syarikat filem pada masa itu dimonopoli oleh orang cina, dia ada *Merdeka Studio*, *Syarikat Mudaif*, jadi kita berlakon pada masa itu gambar berwarna dan masa itu industri filem kita tenggelam timbul, ada sebuah syarikat menghasilkan filem iaitu syarikat melayu baru wujud. Itu juga ternggelam timbul. Jadi saya melihat survival bidang ini agak perit. Itu yang saya berniaga, saya jual baju, jual baju borong-borong, ambil baju borong-borong ini dan jual t-shirt, selepas itu saya jual kereta. Saya pernah menjadi agen menjual kereta berpusat di Klang. Saya jual

banyak kereta juga untuk pekerjaan sementara. Dalam sebulan itu dapat dalam dua, tiga buah kereta saya jual. Satu kereta itu dapat dalam *empat ratus ringgit* [RM 400] hingga *lima ratus ringgit* [RM 500], zaman itu besarlah. Sampai proses selepas itu saya buka kantin kerajaan. Selepas itu saya buka restoran, itulah Restoran Haslam yang ada sekarang ini, yang kekal sudah *tiga puluh tahun* [30 tahun]. Semasa saya buka restoran itu umur saya *tiga puluh tahun* [30 tahun]. Saya baru berkahwin dengan Datin dan masa itu Syamsul baru sahaja lahir. Jadi itu permulaan saya membuka restoran, saya berjuang menjual kereta untuk mencari kehidupan yang sempurna. Jadi bukan mudahlah orang nampak kita ini. Selepas itu saya berlakon drama-drama *RTM* [stesen televisyen di Malaysia], ada drama *PJ*, awak tiada lagi masa itu, saya memegang watak penting. Saya dan *Haji Singgah* [pelakon di Malaysia] zaman-zaman muda pada masa itu. Jadi daripada berlakon drama-drama *RTM* [stesen televisyen di Malaysia] dengan memegang watak-watak penting, orang mula kenal saya di *RTM* [stesen televisyen di Malaysia]. Selepas itu mereka membuka penswastaaan drama televisyen. Bila *RTM* [stesen televisyen di Malaysia] membuat penswastaaan drama televisyen saya juga minta projek itu dengan *RTM*, hantar cadangan dan saya kenal ramai kawan polis di Jalan Ipoh, dan saya minta dan dapat projek itu. Jadi saya buat drama-drama polis yang bertajuk *Remang-remang Kotaraya* [tajuk sebuah drama] bersama *A. Galak* [pelakon drama]. Semasa itu *A. Galak* muda lagi, umur dalam *empat puluh tahun* [40], saya pula berumur *tiga puluh tahun* [30]. Itulah saya buka restoran dan

saya buka syarikat filem. Syarikat filem masa itu, restoran di bawah dan syarikat filem saya sewa di atas. Adalah dua bilik kecil sahaja. Ada kerani seorang, saudara saya kerani dan bayar gaji *tiga ratus* [RM 300] dan itulah saya bergerak buat drama televisyen sedikit-sedikit. Ada projek utama kami buat *tiga puluh ribu* [RM 30,000] dan untung dalam *lima ratus ribu* [RM 500,000]. Jadi anak-anak semakin besar masa ketika itu, jadi saya berjuang sampailah dari drama televisyen kita sudah buat selama tiga tahun, kita sudah buat *enam puluh* [60] drama televisyen masa zaman itu, saya sendiri buat skrip dan saya sendiri mengarah. Pada zaman itu *Aziz Jaafar* [seniman Malaysia] mengarah, jadi kita ikut belakang dia, tengok dan cari ilmu sedikit. Kita juga sudah boleh mengarah dan buat skrip, selepas itu sampailah kita buat filem tahun *seribu sembilan ratus sembilan puluh* [1990]. Saya buat filem saya bertajuk *Bayangan Maut*. Semasa itu bajet tidak besar, dalam *tiga puluh ribu ringgit* [RM 30,000] dan gambar itu *success* [berjaya]. Selepas itu pergilah gambar kedua, *Pemburu Bayang* [filem arahan Datuk Yusof Haslam], dan berjaya. Selepas itu pergi pula ke gambar ketiga iaitu *Sembilu* [filem arahan Datuk Yusof], dan sukses. Jadi sampailah tahun *dua ribu tiga* [2003] sehingga tahun *dua ribu empat* [2004], saya sudah mula perlahan-lahan operasi membuat filem kerana saya lebih kepada drama televisyen. Semasa itu drama televisyen banyak seperti drama-drama bersiri kepolisan, dengan cerita *Sembilu, Janji Diana* [filem arahan Datuk Yusof], jadi tumpuan saya lebih kepada drama, filem pun bila saya buat tetapi sedikit kerana usia kita semakin meningkat, kita punya

citarasa dengan penonton sudah lain kerana yang menonton wayang itu remaja. Zaman kita buat cerita *Sembilu* [drama arahan Datuk Yusof] itu umur saya *tiga puluh* [30] lagi. Jadi masih mendekati remaja bukan? Jadi bila kita semakin dewasa, jadi kita mempunyai halangan antara kita dengan dunia remaja inilah. Jadi karya-karya kita semasa itu, gagal tidak, tetapi sambutannya semakin berkurang dan dapat kutipan dalam lingkungan sejuta, dua juta dan isteri saya berkata “I [saya] tengok citarasa *you* [awak] dah lari, budak-budak muda ini dia mahukan konsep lain kan”. Jadi dalam masa dua tahun saya membuat drama-drama televisyen sampai wujudnya Syamsul. *Syamsul* [anak kepada Datuk Yusof] sebelum ini saya telah berikan dia praktikal buat drama-drama saya, mengajar dia membuat drama-drama televisyen kan, dia buat drama televisyen selepas itu. Masa itu umur dia *dua puluh dua tahun* [22 tahun], dia buat filem dan drama itu sukses. Sebelum dia buat filem, sayalah yang memantau. Saya tengok skrip dia, saya tolak skrip dia, dan dia mengamuk. Walaupun kita orang lama, walaupun dia orang baru, tetapi banyak ilmu yang dia tidak cukup. Jadi kita olah-olah skrip dia, dia mengamuk, dia kata kita ini tidak setuju dengan idea dia. Bukan tidak setuju tetapi bagi saya jalan cerita. Jadi kelemahan dia dulu dalam jalan cerita sebab jalan cerita dia berterabur, dia nak cerita pasal siapa. Jadi saya betulkan jalan cerita dan selepas setahun kemudian dia buat dan saya memantau dia. Alhamdulillah sukses.

Kamu bertiga ya? Seorang lagi dimana?

AJ : Seorang lagi diluar

DYH : Buat apa diluar? Dia siapa?

AJ : Kawan

DYH : Buat apa diluar?

AJ : Ada hal sedikit

DYH : Suruh dia masuklah. Jadi selepas benda-benda itu, kemudian saya sudah bagi peluang kepada Syamsul untuk lebih tumpu kepada urusan syarikat dan membuat drama-drama televisyen. Syamsul membuat filem satu demi satu, saya pantau dialah. Dan Alhamdulillah, Syamsul ini bakat dia besar, daripada budak muda begitu dia cepat menangkap selera penonton dan selepas itu dia sudah boleh menguasai skrip, menguasai pengarahannya dengan bagus. Nampak Alhamdulillah dia itu. Apabila masa dia sudah besar, dia pun tidak perlukan kita punya input walaupun kita mahu bagi input kepada dia. Dia rasa orang tua punya tidak sesuai dengan jiwanya. Betul saya cakap dengan kamu, ini benda ikhlas saya cakap. Itu yang kadang-kadang bagi saya sebagai pembikin filem dia tidak kira idea orang tua atau tidak, saya ini pembikin filem, jikalau saya menjadi pemandu lori lainlah cerita.

(Pekerja Datuk Yusof Haslam masuk bilik untuk meminta tandatangan beliau)

Jadi itulah, saya tengok benda ini, ialah dia walaupun macam mana sekalipun, kita bagi input kan, bukan semestinya input yang boleh dipakai

semua, semasa buat filem dulu saya pun ambil input dari isteri saya, A. Galak [pelakon filem dan drama] dan juga orang sekeliling saya kan, tidak kira tua walaupun A. Galak itu lebih tua daripada saya, lima belas tahun lebih tua daripada saya. Tetapi kita ambil input, tetapi ialah saya rasa barangkali ada 'generation gap', mungkin dia rasa tidak selesa apabila dia berada di kemuncak. Kerana di bawah dia rasa selesa, tetapi tak apalah.

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: PENCAPAIAN TERTINGGI TOKOH

- AJ** : Semasa dalam bidang seni ini, apakah pencapaian tertinggi Dato'?
- DYH** : Sepanjang karier saya, saya mendapat pelakon lelaki terbaik dalam *Fiesta Filem Malaysia* [anugerah yang dimenangi] keempat menerusi filem *Mekanik* [sebuah filem]. Selepas itu saya banyak menang dalam *filem-filem 'box office'* [filem yang mencecah kutipan sebanyak sejuta ringgit], contohnya cerita Sembilu yang telah mendapat kutipan paling tinggi dimana ia mencipta sejarah sebagai filem melayu paling besar kutipannya. Itu bukan satu kebanggan bagi saya, itu rezeki tuhan nak berikan kepada saya. Ia bukan satu kebanggaan pun kerana saya tiada ada kelulusan akedemik yang tinggi. Tetapi dalam sektor perfileman atau apa jua bidang sekalipun, akedemik adalah perkara penting yang dititikberatkan selain daripada bakat. Itulah tuhan telah memberikan sedikit bakat kepada saya berkarya dan

Alhamdulillah kita berjaya. Seperti zaman sekarang ini saya ada kemampuan, saya telah memberi peluang kepada anak saya, Syamsul masuk di *KLMU* [Kuala Lumpur Metropolitan University], Syafiq di *KLU* [Kuala Lumpur University] untuk dia belajar. Selepas itu Syamsul juga saya hantar ambil diploma. Saya mahu hantar dia keluar negara untuk belajar, tetapi dia tidak mahu. Saya kata pergilah belajar ke Australia, saya sanggup belanja untuk belajar selama tiga tahun disana tetapi dia kata dia tidak mahu. Dia rasa dia ingin mencari pengalaman dahulu dan jika ada kesempatan dia ingin membuat lawatan sambil belajar. Tetapi tidak mengapalah kerana P. Ramlee dulu juga tidak belajar sampai keluar negara. P. ramlee dahulu hebat bukan, Syamsul juga tidak belajar sampai ke luar negara tetapi dia boleh membuat filem yang dapat menepati citarasa orang ramai. Tetapi kalau ada peluang belajar, pergilah. Tidak lama pun, setahun atau dua tahun sahaja. Tetapi mereka ada asas dalam pengarahannya. Saya ini langsung tiada asas, saya cuma ada pengalaman berlakon, tengok orang bekerja, dan dari situlah saya menimba pengalaman. Tetapi tidak apalah, apa sekalipun bagi saya kita kena teruskan jugalah kerja kita, tugas kita, sebab bidang ini *survival* [mencabar]. Bidang ini selain daripada bidang glamor, saya bukan nak kejar glamor, yang penting kita ingin mencari rezeki agar hidup kita lebih baik, selepas itu kita ingin mengangkat industri filem kita supaya orang boleh tahu yang orang melayu mampu menjadi produser filem.

Dahulu jika produser filem kebanyakannya cina semuanya, selepas itu dimonopoli oleh orang melayu. Ada syarikat seperti *KRU* [syarikat penerbitan di Malaysia] semua ini, saya berasa bangga kerana syarikat-syarikat melayu sekarang sudah berkembang. Jadi kita hendak berjuang ini kita kena cukup ilmu, satu, selepas itu pula kita perlu ada disiplin yang tinggi. Jika kita tiada disiplin, kita susah nak bertahan. Jika kamu ada ilmu pandai mengarah filem sahaja tetapi disiplin tiada, barangkali kamu akan menjadi hamba orang. Tetapi jika kamu ada disiplin seperti saya, saya bermula dari bawah kerana saya orang susah, dari bawah saya buka syarikat semua saya belajar daripada pengalaman saya. Itu disiplin saya menepati masa, bangun pagi-pagi bangun pergi pejabat, cari projek, kita menjadi produser, kita pengarah, kita buat skrip, membuat perbincangan bersama kumpulan kita, dengan orang-orang yang berpengalaman untuk membuat filem. Tetapi dalam masa membuat filem saya sedar saya sebagai penerbit maksudnya jika saya tidak boleh membuat keputusan mengikut nafsu kerana jika gagal, syarikat akan menanggung rugi. Sedangkan jika dibuat elok kadang-kadang tidak mendapat sambutan juga. Jaminan itu ada tetapi kena berhati-hati. Dalam masa yang sama saya membuat filem, saya tidak pernah berhenti membuat drama televisyen. Mereka tanya kenapa Yusof Haslam hendak buat drama televisyen sedangkan dia sudah buat filem-filem meletup. Saya buat, zaman saya buat *Sembilu* [filem arahan Datuk Yusof] pada tahun *seribu sembilan ratus sembilan puluh empat* [1994] kita kutip *enam juta* [RM 6,000,000], zaman itu tiket murah hanya *lima ringgit* [RM

5] sahaja. Kalau hari ini punya kutipan saya ingat dalam *lima belas juta* atau *enam belas juta* [RM 15,000,000 atau RM 16,000,000]. Tetapi masa itulah kita mengumpul duit itu membeli harta sedikit. Saya buat drama-drama televisyen walaupun drama itu hanya untuk *seratus ribu* [RM 100,000], *dua ratus ribu* [RM 200,000] saya buat untuk kita mengiring jangka panjang walaupun hanya *lima sen* [5 sen] sahaja untung kita buat. Ibarat lima sen jatuh ke lantai saya mesti kutip balik. Itulah yang membezakan saya dengan generasi baru sekarang ini yang mana mereka menganggap membuat filem ini dapat melentur itu, seronoklah, seronok, seronok tanpa memikirkan soal pengurusan syarikat, pentadbiran dan sebagainya. Banda-benda inilah yang saya kata pembikin filem kena belajar semua aspek. Kalau kita nak berkarya seorang *gitu* [macam itu], jawabnya satu masa kalau karya awak habis semasa, dan awak dah turun awak nak pergi tepi-tepi jalan minta mengarah, sampah pun tidak pandang awak. Zaman kemuncaklah. Kalau kita ada pengurusan, ilmu pengurusan tentang pengaliran pentadbiran semua kan, awak tahu mengenai mentadbir syarikat semua itu, sekurang-kurangnya kalau awak tak mengarah sekalipun, awak boleh menggaji orang untuk bekerja dengan awak. Awak tahu sepak terajang syarikat. Itu yang saya buat. Cuba sekarang ini, dulu saya buat filem dan bila sambutan filem kurang jadi saya sekarang pergi mengarah, *taknaklah* [tidak mahulah] sudah tua. Saya mengakui kini saya penerbit dan orang *respect* [hormat] kita, syarikat kita masih berkembang. Kita panggil orang bekerja dengan kita, anak kita meneruskan perjuangan.

Tetapi benda ini mesti ada disiplin, itu yang saya nampak yang paling penting ada disiplin. Disiplin dan juga kamu ada bakat dalam bidang ini. Alhamdulillah saya bersyukur anak saya ada bakat besar, bukan dia seorang sahaja, maksud saya termasuk *Syafiq* [anak kepada Datuk Yusof]. Syafiq usia dia *lapan belas tahun* [18 tahun] mengarah filem, sekarang dia baru habis filem Abang Long Fadil. Semasa dia membuat filem itu umur dia dalam *sembilan belas tahun, dua puluh tahun* [19 tahun, 20 tahun]. Sekarang umur dia *dua puluh tahun* [20 tahun], dah siap filem Abang Long Fadil itu nak bawa pergi *Bangkok* [ibu Negara Thailand] kemuadain dia ada syarikat *CGI* [Computer-Generated Imagery. Sejenis aplikasi grafik komputer] sendiri, *Quarters Studio* [Syarikat CGI], dia buat untuk *CGI* [Computer-Generated Imagery] dan dia ada kakitangan dia sendiri. Itu yang beza dia tu. Bezanya Syafiq ini dia ada visi, visi apa yang saya buat dia buat. Dia ikut apa yang bapa dia buat. Dia menjelaskan, tanya saya (sambil bermonolog, "Papa rasa gaji syarikat sebulan macam ini, kita ada kakitangan yang ramai dan kita nak tanggung kakitangan ini sebulan dalam *dua ratus ribu* [RM 200,000]). Jadi syarikat kena bergerak dan dia tahu, jadi dia membuat kertas kerja dan dia disiplin kan. Sebab itu budak ini saya Nampak dia baru budak lagi, tidak nampak filem yang Berjaya macam Syamsul kan, Syamsul pun setakat kita balik modal sebanyak *satu perpuluhan lapan juta* [RM1.8 juta]. Tetapi Alhamdulillah kerana dalam usia *lapan belas tahun* [18 tahun] dia membuktikan dia boleh buat gambar macam ini, dia mahu belajar dan mahu buka syarikat sendiri. Baru-baru ini

dia mendapat satu projek, dia dapat *lapan ratus ribu* [RM 800,000] dana daripada *MDeC* [Multimedia Development Corporation] untuk *CGI* [Computer-Generated Imagery] kerana file mini menggunakan *CGI* [Computer-Generated Imagery]. *CGI* ini diperlukan dalam *dua juta* [RM 2,000,000]. Jadi dia buat dan yang lulus *lapan ratus ribu* [RM 800,000] jadi dia potonglah bajet yang RM 800,000 itu. Bajet *CGI* [Computer-Generated Imagery] itu dalam RM 800,000 sahaja dan boleh jalanlah. Ok dia ada kakitangan dia sendiri, saya ada kakitangan dia juga ada kakitangan dia sendiri tetapi dibawah payung *Skop Production* [Syarikat penerbitan Datuk Yusof Haslam]. Sebelah pejabat ini, saya bagi pejabat tu, pejabat itu kosong dan ambil pejabat itu tidak perlu bayar sewa. Ambil. Saya ambil modal saya *dua ratus ribu* [RM 200,000] nak bagi anak jalankan perniagaan. Tetapi saya nampak benda itu dia betul-betul sungguh-sungguh. Kemudian dia ada kakitangan, dia tahu semua kan. Tetapi itulah yang satu itu bakat besar, gambar berjaya semua, Alhamdulillah saya bangga dia berjaya kan, tetapi apa yang ada didalam diri Syafiq itu tiada dalam diri *dia* [Syamsul].
Baiklah apa lagi yang kamu nak tanya?

FF : Baiklah. Apakah kenangan manis Datuk ketika berada di dalam bidang seni?

DYH : Jadi kenangan manis itu biasalah hidup, saya kenangan manis itu tiada dan pahit itu adalah tetapi tiada la banyak mana kalau banding dengan orang lain kan. Kehidupan saya Alhamdulillah la saya bersyukur walaupun

banyak filem saya buat tiada filem saya yang gagal kan, itulah nikmat yang tidak terperi bagi saya. Saya bersyukur tuhan telah berikan kita rezeki dapat membersarkan anak-anak kita, dapat kembangkan syarikat Skop Production yang hanya bermodalkan *dua ringgit* [RM 2] sahaja. Modal awak kita hanya *dua ringgit* [RM 2] sahaja. Saya buka syarikat dengan *dua ringgit* [RM 2] sampai sekarang bila modal dekat *satu juta* [RM 1 juta] daripada modal hanya *dua ringgit* [RM 2] semasa baru mula membuka syarikat. Tengah miskin tiada duit, buat projek harga sampai *tiga ratus ribu* [RM 300,000], duit *sepuluh ribu* [RM 10,000] pun tiada. Jadi buka restoran, selepas itu arwah bapa mertua saya dia banyak membantu, isteri saya pun bagus dia banyak juga membantu. Saya buka restoran itu saya tidak malu mengatakan restoran itu saya buka dengan duit modal bapa mertua saya. Bapa mertua saya askar, dia bekas askar, dia ada kantin-kantin di *Kluang* [daerah di Johor]. Dialah yang beri modal buka kantin, selepas itu nak buka restoran. Semasa itu nak buka restoran perlukan modal dalam *enam puluh ribu hingga tujuh puluh ribu* [RM 60,000 hingga RM 70,000]. Kita baru merangkak, ialah masa itu saya baru kahwin dengan datin, baru setahun lebih, jadi bapa mertua saya beri modal dan dia kata '*buka kedai ini, buka untuk masa depan hang. Hang nanti dah ada anak ada apa kan, fikir hang ada restoran satu*'. Restoran itu sewa, sekarang saya sudah beli tetapi proses kita naik itu bukan mudah. Dan proses yang cukup pahit macam-macam rintangan saya hadapi. Semasa tu budak ni, yang Syamsul ini masa itu kecil baru beranak. Jadi jika dia saya rasa dia nampak, dia nampak

macam mana perjuangan saya. Bapa dia dari daif dari bawah macam mana, dia nampak ini bagi saya dia paling jelas nampak. Usia dia dekat *tiga puluh tahun* [30 tahun] dia nampak bapa dia dari bawah sampai ke atas. Syafiq ini kemudian, Syafiq ini lahir pada tahun *sembilan belas sembilan puluhan* [1990-an] sudah berjaya, sudah ada kereta dan rumah sendiri sepatutnya dia yang terbalik ke sini kan. Jadi dia nampak tetapi orang kan, individu macam mana kita tahu. Jadi bukan kata mudahlah, pahit bagi saya dalam hidup saya setiap orang manusia ada pahit dan manis. Tetapi dalam hidup saya, saya rasa syukur Alhamdulillah kerana banyak manis yang saya hirup daripada pahit. Zaman saya pahit semasa zaman susah bapa saya, bapa saya susah, hidup rumah setinggalan. Tetapi bila saya berjuang buat perniagaan, kahwin dengan Datin, bapa mertua saya pun bagus membantu saya dan menguatkan semangat saya untuk bekerja keras untuk majukan diri, untuk berikan kebahagiaan kepada isteri saya, Dia bagi anak-anak saya, Alhamdulillah. Saya kahwin yang pertama itu anak tiada. Itu pun janda saya sudah berkahwin lain tetapi anak tiada. Dengan Datin saya dah kahwin lebih *sepuluh tahun* [10 tahun] dan ada anak, Alhamdulillah. Itu anak perempuan seorang itu (sambil menunjukkan gambar anak perempuan Datuk Yusof). Itu adik Syamsul, dia ada *Undang-Undang Komersil* [Commercial Law] ni *Perth University* [Pusat pengajian di Australia]. Dia belajar *lima tahun* [5 tahun] saya hantar dia belajar. Habis banyak itu hampir *satu juta* [RM1] juta saya habis untuk dia belajar. Dia belajar di Universiti Curtin, kos hidup tinggi sudah lima tahun saya setiap bulan saya bayar dan setiap tahun saya

bayar *dua ratus ribu* [RM 200,000] belanja kapal terbang apa semua kan dia duduk di sana. Kita mahu tengok anak kita maju kan. Itu bukan nilai wang ringgit kebetulan tuhan beri rezeki masa itu bagus, kerja tengah bagus, drama-drama televisyen bagus kan, jadi itulah apa sekalipun saya mengharapkan anak saya kuatkan semangat, teruskan perjuangan *Skop Production* [Syarikat penerbitan Datuk Yusof Haslam]. Kalau tidak saya pun rasa saya nak jual sahaja syarikat ini dan nak beralih ke arah agama sahaja. Sebab apa yang kita belajar agama ini zaman ini saya rasa masih tidak cukup lagi bekalan apa yang kita bawa untuk di akhirat nanti. Kita makin tua kan, jadi masa ini sahajalah. Tahun depan saya sudah *enam puluh tahun* [60 tahun], saya rasa saya macam nak perlahankan saya punya kerja. Tetapi tidak boleh saya rasa sebab jika saya tidak memberi tumpuan kepada syarikat, apa akan jadi kepada syarikat? Syarikat ini ramai ipar-ipar saya, adik ipar saya bekerja, adik ipar saya yang perempuan seorang ada bekerja di sini, selepas itu anak tiri saya Faizal dia bekerja dengan saya. Ramai kakitangan bekerja dengan saya menumpang mencari makan disini ramai. Saya fikir kalau saya tinggalkan syarikat ini, saya ada duit cukup untuk kita hidup, untuk cari makan cukuplah kan, tetapi macam mana dengan orang lain? Jadi jika saya fikir diri saya, saya tidak pedulilah, lantaklah. Tetapi saya tidak memikirkan diri saya, saya fikirkan ya. Jadi sampai tua-tua *enam puluh tahun* [60 tahun] ini belum lagi tua, kalau umur saya sampai *tujuh puluh tahun* [70 tahun], rasa-rasa kalau saya panjang umurlah. Kalau usia bapa saya umur *enam puluh tiga tahun* [63 tahun] sudah meninggal dah.

Bapa saya meninggal awal semasa 63 tahun. Kalau ambil umur lagi panjang semasa umur *tujuh puluh tahun* [70 tahun] saya ingin berhenti, itu terserah mereka. Syafiq pun dah dewasa, sudah matang kan, jadi terserah. Jadi saya rasa saya akan terus berjuang sampai umur saya *tujuh puluh* [70] jikalau saya panjang umur. Hanya itu sahaja. Jikalau umur saya *tujuh puluh* [70] dan umur Syamsul sudah *empat puluh* [40], kalau kau tidak berubah lagi kau fikirlah sendiri. Bakat kau hari ini kau berjaya bukan terus boleh berjaya. Harini kau duduk dalam dunia macam bola, dia berpusing. Zaman saya kemuncak saya dah rasa berapa belas tahun kemuncak saya buat filem meletup-letup semua. Selepas itu bila kita masuk umur 40-an dan 50-an dah perlahan dan datang generasi baru. Jadi jika awak dah siap benda ini awak tak akan risau. Semasa itu *Adflin Shauki* [artis Malaysia] sekejap dalam *tiga empat tahun* [3, 4 tahun], perlahan sudah karya dia. Kita benda ini kena kekal macam kita sudah lama kekal sudah bagus dah ni. Dia muda lagi dia banyak masa untuk mengisi waktu. Selepas itu masa sekarang pemain banyak, dunia *IT* [Information Technology] ini orang cerdik pandai banyak tetapi peluang sahaja tiada. Saya tidak nafikan banyak orang yang hebat-hebat tetapi peluang sahaja tiada. Siapa nak bagi buat filem modal besar-besar kan? Nak buat drama televisyen pun bukannya senang. Drama televisyen juga perlukan modal. Jadi macam platform-platform yang anak saya dapat ini bertuah. Jadi mereka ini duduk di dalam platform Skop Production, syarikat bapa mereka masih kuat lagi. Tetapi jika satu masa saya sudah tiada, kalau syarikat terumbang-ambing, anak-anak tidak boleh

mengawal syarikat kalau sibuk dengan dunia khayalan sahaja, habis padam syarikat.

FF : Selain Skop Production, Datuk ada anak syarikat lain?

DYH : Adalah anak-anak syarikat dia. Kita ada *Haslam Properties* [anak syarikat Skop Production] tetapi bukan secara besar-besaranlah kita macam ini hartanah yang itu tanah semua kan, kalau dapat harga baik kita jual balik.

FF : Disini juga?

DYH : Ya di Kuala Lumpur la, di Malaysia. Macam kita sudah banyak menyemak harta-harta, kita ada rumah-rumah dan tanah-tanah, dan jika ada harga yang cantik, kita jual. Dapat keuntungan sedikit. Selepas itu adalah *Haslam Trading* [anak syarikat Skop Production] dia mengendalikan restoran inilah, kedai makan. Bukan tidak mahu buka cawangan. Cawangan banyak tetapi kalau kita tidak dapat kawal tidak guna juga. Macam Restoran Haslam ini, tempat dia bagus situ, kalau kita buka di situ sedangkan di sini menghadapi masalah pekerja, susah bekerja. Kadang-kadang pekerja berhenti, tukang masak berhenti. Itu pun di sana adik saya yang jaga. Adik saya Haji Mohd Noor, dia pun macam saya juga, orangnya bekerja keras, kerja bermati-matian dengan tidur tidak cukup apa semua. Apabila saya rasa saya nak berputus asa, pergi pasar beli apa semua ni kan, anak-anak saya yang jantan ini pun tidak minat restoran dan dia kata leceh ini semua. Itulah kalau awak pergi kerja pun gaji kau *dua ribu* [RM 2000] sahaja, kalau kau kerja dengan

bapa kau, bapa kau boleh beri gaji *lima ribu enam ribu sebulan* [RM 5000 RM 6000 sebulan], leceh la nak berdepan dengan orang. Jadi benda-benda macam inilah semua hendak senang. Saya punya restoran itu, saya hari-hari pergi restoran itu semasa zaman-zaman tengah berjuang, *lima enam tahun* [5, 6 tahun] saya pergi pasar borong, saya pergi pasar. Semasa tengah berlakon cerita dan filem-filem itu semua ya saya pergi pasar, pergi berlakon, daripada berlakon pergi jaga restoran. Saya buat semua sebab hendak cari duit. Kalau kita malas, tidak ada orang dan kita memang tidak akan ada duit. Jadi benda-benda inilah generasi baru hari ini dia *kena* [perlu] kuat semangat. Itu restoran melayu tiga puluh tahun, restoran saya itu, umur sudah tiga puluh tahun. Saya buka pada *sembilan belas lapan puluh empat* [1984], ini masuk Disember ini genap *tiga puluh tahun* [30 tahun]. Kamu fikir restoran melayu di *Kuala Lumpur* [KL] ini yang tidak ada yang bertahan sampai tiga puluh tahun, lima tahun empat tahun sudah tutup. Itu sebab apa, kekuatan daripada saya dengan adik saya. Adik saya sejak buka restoran lima enam tahun saya sudah banyak buat filem dan drama televisyen. *Encik Mohd Noor* [adik kepada Datuk Yusof Haslam] dia ada kerja, dia kerja kerani dan saya suruh dia berhenti kerja dan jalankan restoran ini. Dia jalankan dan aku bagi kau gaji sebulan dalam *lima ribu* [RM 5000]. Selepas itu bila dia jalankan dia bagus dan saya pun sudah sibuk dengan filem. Dia tumpu kepada restoran tetapi penatlah, penat sehingga dia nak pergi *Mekah* [tempat menunaikan haji] sampai dia berfikir sepuluh kali, dan akhirnya dia pun pergi juga. Semasa dia pergi itu arwah

bapa mertua saya yang jaga. Jadi, nak berjaya bukan senang. Tetapi sekarang Alhamdulillah saya bagi kongsi restoran itu jadi separuh. Separuh *share* [kongsi] ambillah kau, banyak mana mahu perlukan duit ambillah, buat kerja kau bermati-matian. Dia pun sekarang sudah ada tanah, rumah besar tetapi walaupun macam itu kerja dia macam mana. Jangan ingat orang kaya, rumah besar orang tidur lena. Tidak. Lagi besar, lagi pening kepala, lagi tidur kurang lena. Kadang kala kita ini bekerja untuk orang-orang sekeliling kita. Alhamdulillah bagi saya yang paling mustahak dalam keluarga ini kita kena menjaga hubungan dengan keluarga. Kita dengan adik-beradik kena bagus, kita dengan anak-anak kena harmoni, itulah yang saya mahukan. Jika nampak harmoni tetapi kita tiada duit pun tidak apalah. Kalau duit banyak pun tetapi tidak harmoni, ada satu dua *slack* [buat perangai], itu bukan masalah duit, itu masalah jiwa kacau. Jiwa kacau, ini tidak puas hati, itu tidak puas hati, dengan bapa tidak puas hati itulah masalah dia. Kalau tidak puas hati apa lagi yang kau hendak dalam hidup ini? Tuhan sudah berikan segala-galanya kepada engkau. Kau tidak puas hati apa lagi? Dengan mak tidak puas hati, dengan bapa tidak puas hati, apa yang tidak puas hati? Tidak apa. Lagi. Apa lagi nak tanya adik?

AJ : **Apakah yang Datuk buat masa terluang?**

DYH : Masa terluang? Saya dengan isteri saya buat jikalau kami ada masa. Dalam masa *setahun* [1 tahun] saya nak pergi ke luar negeri adalah sekali dua kali untuk tenangkan fikiran bukan? Jikalau di sini seminggu sekali saya pergi

jogging, kadang-kadang saya bermain badminton dengan tukang kebun saya. Saya upah tukang kebun saya, upah kalau menang aku upah engkau *sepuluh ringgit* [RM10]. Kalau dia menanglah, tetapi selalu kalah sahaja. Tetapi sesekali saya sengaja kalah dan bagi sahaja *sepuluh ringgit* [RM10]. Main badmintonlah, hobi saya bermain badminton dan juga saya tiada hobi lain sudah. *Golf* [sejenis sukan] ini saya langsung tidak berminat. Kawan-kawan saya ramai ajak main golf, ada sekali saya pergi, tetapi apalah bola sekali jatuh 'pop'. Main golf ini kaki bersembang sahaja memang saya tidak berminat. Saya dengan *Dr. Mahathir* [Mantan Perdana Menteri] sama. Dr Mahathir tidak minat bermain golf, kerana saya kata golf ini membuang masa dan dia glamor sahaja lebih. Jadi nak tanya apa lagi?

AJ : Memang Datuk selalu habiskan masa dengan isteri sahaja ya?

DYH : Saya selalu dengan keluarga, dengan anak-anak semuanya. Saya akhir-akhir sudah tua inilah banyak membuang masa sikit dengan isteri. Itu pun isteri selalu *complain* [mengadu], (sambil bermonolog, "apalah you ni, dari muda sampai tua asyik kerja sahaja"). Kadang-kadang saya buat kerja di sini dan dia tanya tidak balik ke? Sudah la Syamsul tiada di rumah, Syafiq pun sibuk dengan itu, rumah kosong sahaja. Jadi saya biasa bawa balik kerja ke rumah, dan tengah buat kerja ada bilik itu ada meja bukan, jadi saya tulis. Bila isteri rasa suami ada di rumah dia rasa lega. Kadang-kadang kesian, saya buat kerja dan habis kerja kerana masa muda dulu saya kerja siang dan malam sampai tidak balik rumah. Yang itu dia faham. Bergaduh, bergaduh

jugalah. Biasalah perempuan bukan? Bergaduh (sambil bermonolog) “I [saya] tidak mahu jadi orang kaya bekerja siang malam semua itu”. “I [saya] kata, I punya cita-cita nak capai payah, I rasa I boleh berjaya”. Itu *struggle* [perjuangan] saya semasa saya duduk di rumah emak saya di Selayang sampailah saya sudah buat filem Sembilu itu. Saya beli rumah semua itu, semua saya buat ini untuk keluarga dan anak anak, biar anak-anak berasa bangga yang bapa dia bekerja bermati-matian bukan, dan juga satu lambing kejayaan orang melayu. Orang filem kita mampu, boleh ada kemampuan, boleh ada syarikat, boleh ada rumah banglo. Ini orang pandang kita ada prestij, kalau tidak setengah orang pandang orang filem macam kucing kurap sahaja bukan? Dahulu begitu, zaman-zaman *P. Ramlee* [seniman Malaysia] itu macam kucing kurap orang pandang. Jadi orang pandang rendah. Saya mula buat filem-filem, saya mula buat harta sedikit, buat rumah semua itu kan, bukan apalah, selain daripada rumah kita buat untuk *shooting* [penggambaran], rumah saya di tingkat bawah saya guna untuk *shooting* [penggambaran] jadi katil apa itu semua bukan? Rumah besar, jadi dahulu menantu saya duduk dengan saya, anak tiri saya iaitu anak Datin, samasa saya kahwin dengan Datin dia ada anak kecil. Dia dah besar sudah sekarang dan dia bekerja dengan saya menjadi sebagai pengarah drama. Dan cucu saya tinggal bersama saya. Jadi bila saya terfikir bila Syamsul nak kahwin, Syafiq nak kahwin bukan, jadi saya beli dan buat rumah bawah bukit itu untuk dia, mereka sudah pindahlah, jadi sunyilah rumah itu. Syamsul pula dia tidak mahu balik rumah, kadang-kadang dia

balik pun serupa tidak balik, dia buat hal dia. Selepas itu Syafiq pula sibuk dengan kerja semua itu bukan? Jadi sunyilah dia. Tetapi nasib baik rumah saya itu ada pengawal, ada tukang kebun, orang gaji tiga orang. Tetapi dia mahukan kita suami yang ada di rumah. Kadang-kadang saya tengah sibuk kadang-kadang dan dia ajak keluar makan, tidak mahu hampakan dia saya keluar juga walaupun kerja tengah banyak. Dia cakap “I [saya] mahu keluar, I [saya] sudah lama tidak makan di luar, I [saya] mahu makan di hotel”. Saya balik, buang masa dua jam, ambil isteri saya pergi makan kerana saya tahu dia sunyi bukan? Tetapi itulah bukan hendak kata apa, itulah kuasa kehidupan, kita kena teruskan kehidupan walau apa sekalipun, tanggungjawab kita kepada keluarga, kepada anak-anak, tanggungjawab kepada isteri, hati dia pun kena jaga juga sebab dia membesarkan anak-anak kita. Alhamdulillah sampai sekarang ini tuhan berikan kita rezeki, Alhamdulillah. Dugaan-dugaan yang datang itu bagi saya, saya beritahu kepada Syamsul (“kalau engkau buat sepuluh gambar semua sukses, satu gambar tuhan bagi engkau orang sabotaj, kena terimalah juga”). Itu pun nasib baik daripada bocor-bocor itu boleh kutip dekat *lima juta* [RM 5,000,000] di panggung. Mana nak---tunjukkan tuhan beri rezeki juga. Kita rugi separuh, separuh kita rugi, separuh tidak apa modal balik. Kalau ikut macam ini sudah bocor, tidak ada orang sudah nak ke panggung. Tidak tahu saya punya ini habis, orang pergi panggung bukan, (sambil bermonolog) (“Dasyat gambar engkau ini boleh pergi panggung”). Padahal anak-anak dia juga sudah tengok. Macam kawan saya (sambil bermonolog) (“Aku pergi

panggung bukan apa, aku nak tengok panggung besar, aku nak sokong engkau”). Mereka sudah tengok di internet, semua sudah tengok walaupun benda itu walaupun *CGI* [Computer-Generated Imagery] tiada, walaupun warna dia tidak betul, tetapi mereka sudah tahu jalan cerita, bukan? Itu sudah rosak sudah.

AJ : Anak yang perempuan ini dia bekerja?

DYH : Dia bekerja di sebuah *firm* [firma] dengan satu syarikat dia bekerja.

AJ : Disini?

DYH : Ya, di Kuala Lumpur. Dia jadi macam pangkat besar jugalah. Dia ini anak perempuan, saya sayang anak perempuan saya.

AJ : Seorang sahaja perempuan?

DYH : Ya seorang sahaja perempuan, jadi walaupun dia bekerja saya juga bagi kereta sebuah kepada dia untuk pergi kerja, balik kerja semua itu bukan? Dia juga buat berniaga *sikit* [sedikit], dia buat macam butik dengan kawan dia. Itu hobi dia. Saya kata janganlah seksakan diri. Tetapi dia hendak juga dia mahu cari duit sendiri. Dia tidak memeningkan kepala saya, dia manja dengan saya dan hormat saya. Jika saya pernah marah dia, dia menangis dan kita pula minta maaf kepada dia, kita peluk dia. Anak perempuan kita. Kadang-kadang mak dia marah dia, saya pujuk dia. Sekarang saya lebih rapat dengan dia berbanding dengan mak dia. Ialah kadang-kadang mak dia

keras sikit bukan? Saya pula kalau dengan anak perempuan saya lembut. Tidak apa la cuma saya dapat hantar anak perempuan saya belajar di luar negara, walaupun kejayaan dia tidak macam kejayaan anak saya Syamsul, tetapi tidak mengapalah. Dia dapat untuk diri dia, lepas diri dia untuk majukan diri dia, sudahlah itu cukup. Inilah dilema-dilema yang dihadapi oleh orang-orang yang berjaya. Itulah jangan orang kata pandang diluar itu kita nampakkan mahligai indah itu indah semuanya indah. Bagi saya duit bukan segala-galanya. Yang mustahak dalam usia kita macam ini, seorang ayah dia hendak apa? Dia mahukan ketenangan. Ketenangan ini hubungan baik dengan anak-anak. Hubungan baik itu datang sejak bila? Datang apabila anak-anak dia menghargai bapa dia, menghormati bapa dia, keluarga dia. Keluarga didahulukan bukan? Ibu bapa didahulukan. Alhamdulillah kita rasa bangga. Bapa hendak itu sahaja bukan hendak duit. Tidak perlu bagi suit pun tidak mengapa. Apa lagi nak tanya?

AJ : Jikalau orang ingin berlakon, ciri-ciri apakah yang Datuk mahukan?

DYH : Saya sekarang dalam bab pelakon saya tidak ambil tahu sangat. Tengok cara kamu jumpa Syamsul atau Syafiq sahaja. Kalau drama-drama saya cuma diminta nasihat sahaja, adalah saya beri *advice* [nasihat]. Dahulu saya yang ambil pelakon semasa zaman *Erra Fazira* [pelakon filem dan drama] itu semua. Semasa Syamsul buat gambar pertama saya ambil *Aaron* [pelakon filem dan drama], dia berlakon jadi pelakon *Janji Diana* [filem arahan Datuk Yusof Haslam]. Saya kata ambil Aaron, budak ini bagus ada rupa.

Kemudian bila dia sudah berjaya dia pilih sendiri. Ohh tidak mengapalah, itu selepas saya bayar. Tetapi ciri-ciri pelakon apa yang Syamsul pilih itu macam saya, samalah. Dia fikir lebih dari bakat dia, ada rupa sedikit, ada bakat sedikit, ada karakter, samalah. Ciri-cirinya pelakon itu ada bakat, ada komitmen yang bagus selepas itu boleh bekerjasama dengan kita. Ada juga pelakon-pelakon yang berbakat besar tetapi dia kadang-kadang tidak boleh memberi komitmen. Ada juga, saya tidak mahu sebut siapalah. Jadi palakon-pelakon itu tidak kekal dalam program kita. Jadi kita setakat itu sahaja. Tetapi pelakon-pelakon yang boleh bekerjasama dengan kita, yang faham--. Tetapi *so far* [sehingga kini] mereka *okay* [baik]. Dahulu semasa buat drama televisyen *Abby Abadi* [pelakon filem dan drama] pun berlakon dengan saya. Saya kenang jasa dia *tiga belas tahun* [13 tahun] bersama saya. Selepas itu dia pun sudah berkahwin dan masuk pembangkang, tetapi itu dia punya hal. Saya kenang kerana *Abby* [pelakon filem dan drama] merupakan artis perempuan yang saya *respect* [hormat] la. Dia boleh dengan saya *tiga belas tahun* [13 tahun]. *AC Mizal* [pelakon filem dan drama] *lima tahun* [5 tahun], dia masalah lainlah, masalah dengan bini dia. Selepas itu saya suruh dia berehat, selepas itu dia pun sudah pergi begitu sahaja tetapi hubungan masih baik. Dia pun Alhamdulillah saya jumpa AC (sambil bermonolog, “kamu tidak ada bersama dengan Skop Production selama lima tahun dalam gerak khas, kamu pergi dan menjadi pengacara yang berjaya”). Sebelum itu dia seksa tiada pekerjaan *dua tiga tahun* [2, 3 tahun]. Itu yang dia marah saya itu. Saya bukan tidak mahu ambil dia,

hendak ambil dia tetapi adalah perkara-perkara yang menjadi halangan. Macam Abby dengan saya, walaupun Abby dengan orang lain payah, tetapi dengan saya ok pula. Tetapi dia ada masalah dengan rumah tangga dia bukan, dia tawar hati sebab dia bercerai dengan *Norman* [bekas suami Abby]. Norman pun saya tidak boleh salahkan Norman. Norman pun ada masalah-masalah dia dengan Abby, jadi tidak kekallah rumah tangga. Jadi, masing-masing buat hal sendiri. Saya kenal zaman saya mula-mula buat cerita *Gerak Khas* [drama arahan Datuk Yusof Haslam] ya, ada Abby, ada AC mereka masih muda. Mereka senang dibentuk sebab itu bagus semuanya. Jadi apa yang kita buat semua pun berjaya, dengan kombinasi yang bagus. Alhamdulillah. Kini masing-masing sudah berumur, ada keluarga semua. Saya semasa buat drama *Gerak Khas* itu umur saya *empat puluh empat tahun* [44 tahun]. Ialah *empat puluh empat tahun* [44 tahun] semasa itu, sudah lama bukan? Saya kena teruskan perjuangan sebab saya seronok dalam bidang ini. Saya masih lagi membuat skrip. Kebanyakan drama-drama polis kebanyakannya itu skrip-skrip saya. Saya menjaga dia punya acuan-acuan drama-drama polis dahulu dalam soal propaganda kerajaan, kita kena jaga sampaikan mesej-mesej, nilai-nilai kekeluargaan bukan? Macam mana orang tua, anak kadang-kadang dengan bapa. Kebanyakan drama-drama saya mesti ada latar belakang keluarga sebab itu adalah refleksi daripada saya sendiri. Dalam drama itu sendiri kita perlu ada nilai-nilai kekeluargaan. Kadang-kadang pegawai bawah dengan pegawai atas, pegawai bawah ini dia lebih tua yang pegawai atas ini tinggi jawatan

dia, dia marah pegawai bawahan ini macam-macam dia buat. Itu yang kita tengok *Gerak Khas* [drama arahan Datuk Yusof Haslam], *A. Galak* [pelakon filem dan drama] yang banyak kena. Dia sarjan tua, selepas itu pegawai bantai maki hamun dia bukan? Terasa bukan? Terasa. Jadi benda-benda sebegitu membuatkan dia merajuk dan membawa diri bukan? Jadi kita sampaikan mesej. Selepas itu ada pegawai-pegawai kata (sambil bermonolog “kenapa engkau kata sebegitu dekat dia? Orang tua itu sudah macam bapa engkau tahu”). Itulah lakonan polis, jadi dia jumpa sarjan itu dan minta maaf tetapi dalam realiti tiadalah. Realiti mana ada pangkat-----.

Tetapi saya tunjukkan banyak orang Bukit Aman, polis-polis dia sokong agar pegawai atas itu sedar sebab kadang-kadang dia maki kita macam kita ini pencacai. Ada satu itu usia sudah macam bapa saya. Jadi kita bukan apa, bukan tidak boleh ditegur, boleh, tetapi ada cara-cara dialah, ada cara-cara dia. Kebanyakan yang kita buat ini memberikan mesej kepada masyarakat, didik masyarakat jauhkan daripada jenayah. Dan kita tidak tunjuk asyik hendak menyiasat sahaja, kita masukkan *family values* [nilai-nilai kekeluargaan], dunia polis lagi, desak keluarga dia desak apa lagi bukan? Alhamdulillah saya sudah buat drama kepolisan sudah dekat *tiga puluh tahun* [30 tahun], kita sudah terbitkan lebih daripada *seribu siri* [1000 siri] televisyen bercorak kepolisan. *Gerak Khas* [drama arahan Datuk Yusof] sahaja sudah *tujuh ratus* [700] lebih dan kita akan sambung lagi pada musim baru ini. Kita sambung balik dengan pelakon lama ada dan pelakon baru kita *combine* [bergabung], dan Abby dan AC juga tiadalah. Abby

sudah jadi pembangkang jadi kerajaan tidak benarkan. Sayang bagi saya sebab dia patut berlakon. Jadi saya kekalkan *Salina Saibi* [pelakon filem dan drama] dan pilih orang lainlah. *A. Galak* [pelakon filem dan drama] juga tiada, *A. Galak* kita rehatkan dia sementara. Bukan mudahlah adik bekerja dalam program-program sebegini bukan, awak hendak buat skrip selama *tiga belas tahun* [13 tahun], setiap minggu hendak dimasukkan bukan senang. Itu anak saya (sambil bermonolog “Papa boleh buat tiap-tiap minggu boleh masuk skrip, kadang-kadang tidak cukup skrip). Nak buat cerita supaya tidak putus di stesen televisyen. Sebab itu *Gerak Khas* [drama arahan Datuk Yusof] sudah bertahan *tiga belas tahun* [13 tahun], kita *rest* [berehat] sekejap bukan---, *tiga belas tahun*, bukan senang *tiga belas tahun* setiap minggu hendak diisikan cerita, kisah itu, kisah ini, kisah itu bukan? Hendak berdepan bukan senang, hendak mengarang, dan hendak berdepan dengan pelakon lagi, karenah-karenah pelakon lagi. Pelakon ini ramai, jangan pelakon ini buat hal dan pelakon ini datang kita bersihkan dengan cara itu sahajalah. Jadi bukan mudah lagi-lagi dalam polis saya mementingkan soal integriti, kita selalu mengangkat imej polis bukan? Tetapi kadang-kadang kita tunjuk juga dimana polis-polis ini tidak betul juga bukan? Tetapi dulu mereka tidak benarkan tetapi sekarang dibenarkan. Tetapi tidak banyak hanya sesekali. Macam mana polis dapat maklumat, pergi buat serbuan tetapi serbuan gagal, itu sebab apa? Rupanya ada orang dalam pergi bocorkan rahsia. Itu realiti itu cuma tidak selalu ditunjukkan. Kalau tidak, rosak imej kerajaan pula. Jadi kita pun bekerja mengikut

peraturan yang dibenarkan. Kalau diikutkan banyak cerita polis-polis makan rasuah bukan? Kita buat tetapi kita ini ada kekangan. Ada kita buat sesekali dilepaskan, sesekali kena tahan. Bukan cerita Gerak Khas sahaja, cerita *Polis Trafik* [drama arahan Datuk Yusof] itu bukan, cerita Polis Trafik itu sudah lima tahun sudah. Polis Trafik itu sudah lama dari zaman A. Galak dulu, *Mustapha Kamal* [pelakon drama] dan awak pun masih tiada tahun *sembilan belas sembilan puluh dua* [1992].

AJ : Belum lahir lagi

DYH : Ya, drama itu sejak *sembilan belas sembilan puluh dua* [1992] saya sudah buat selepas itu *tahun seribu sembilan belas sembilan puluh tiga* [1993]. Selepas itu senyap. Selepas itu tahun *dua ribu lapan* [2008] saya *start* [mula] balik. *Dua ribu lapan* [2008] itu lama, *lima tahun* [5 tahun] dan minggu ini baru habis. Lima tahun sudah, lima tahun drama Ronda-ronda ya polis trafik. Tetapi trafik ini bukan sahaja jalan raya, kita kena ambil kisah kehidupan mereka. Kalau jalan raya apa cerita dia, tahan orang, saman orang begitu sahaja. Apa cerita kereta rosak, kereta itu---. Kejadian kadang-kadang orang pukul orang bukan? Memang polis kena ambil tahu sebab itu kita masukkan jenayah. Bukan mudah adik. Ia satu kerja yang memerlukan kreativiti ya, dan kadang-kadang kita berkarya ada masanya bagus, ada masanya kurang. Itu biasa. Awak tidak akan nampak cerita setiap minggu bagus sahaja apa lagi tidak berhent-henti selama tiga belas tahun, tetapi kita perlu teruskan jugalah.

- FF** : Kiranya selama *tiga belas tahun* [13 tahun] itu Datuk menulis skrip sendiri?
- DYH** : Ya memang betul. Bukan itu sahaja, saya dalam drama *Janji Diana* [drama arahan Datuk Yusof] saya buat skrip. *Janji Diana*, Sembilu tetapi nama-nama saya jarang letak kerana saya karya asal, sebenarnya kebanyakan saya tulis. Dalam drama *Gerak Khas* boleh dikatakan *tujuh puluh peratus* [70%] skrip saya yang buat. *Roda* [drama arahan Datuk Yusof] pun sama. Saya letak nama lain tahu, letak nama Madina Jufri [cucu Datuk Yusof], letak nama M. Farish [] itu semua nama cucu saya.
- AJ** : Ohh
- DYH** : Yang perempuan ya, kadang-kadang saya letak *S. Nordiana* [cucu Datuk Yusof Haslam]. Yang Diana itu cucu saya, dia ini gemuk dan saya panggil dia Sumo. Jadi S itu sumo. (Sambil bermonolog, “S itu apa datuk?” “S itu sumo” “Apalah datuk ini”). Saya pula yang suka berlawan bukan. Kadang-kadang cucu saya berlakon juga jadi budak-budak, mereka berlakon juga. Saya banyak menggunakan nama samaran. Filem saya guna nama saya tetapi drama jarang saya guna nama saya. Cuma saya letak karya asal sahaja, skrip nama orang lain tetapi kebanyakannya sayalah yang buat. Macam *Janji Diana* saya buat skrip, Sembilu dalam *RTM* [stesen televisyen Malaysia] semua itu saya beri sampaikan---. Kita hendak habiskan cerita itu, tetapi stesen kata sambung Datuk. Sambung Datuk kerana *rating* [kedudukan]

bagus. Kalau *setahun* [1 tahun] dia nak *dua tahun* [2 tahun], kalau dua tahun dia suruh sambung *tiga tahun* [3 tahun]. Sampai isteri saya kata apa cerita hendak digoreng ini. Pusing-pusing cerita yang sama tidak akan habis macam ini. Cukup. Sudah empat tahun sudah. Saya berhenti_____

Kebanyakan siri saya dia panjang. Dia panjang itu yang meleret sedikit kerana hendak habiskan cerita, mereka cakap jangan. Bila kita ulang balik, datang konflik baru balik, sudah ulang balik bukan? Kita rumah tangga konflik apa? Macam cerita *Capek* [drama arahan Datuk Yusof Haslam] itu, *Capek* kamu tahu?

AJ : Ya.

DYH : Itu kisah orang capek bukan? Itu dia tahu saya buat, sambutan bagus dan sambung, sambung. Ingatkan sudah habis, stesen *call* [telefon] (sambil bermonolog, “Dato Yusof jangan berhenti, *rating* [kedudukan] nombor satu di *RTM* [stesen televisyen Malaysia] ini”). Allah. Cerita sudah habis, pandai-pandailah saya goreng. Kita pecah otak lagi tahu nak pusing apa. Itu cerita *Capek* itu sudah *dua tahun* [2 tahun] mereka hendak sambung tetapi saya tidak mahu. Letih saya nak buat, tidak habis-habis lagi mahu buat. Itulah, bukan mudah bukan, hendak pecah otak saya kadang-kadang buat *tiga* [3] skrip dimana dengan cerita polis, dengan cerita televisyen. Ada orang luar hantar skrip tetapi kita ambil itu kita olah balik. Ada yang sesuai dan ada yang tidak sesuai itu kita tolak. Ada yang kita tengok sesuai kita ambil, ada yang skrip polis kita ada ambil orang luar, pelajar-pelajar dia

hantar daripada *Universiti Malaya* [pusat pengajian di Malaysia] dia hantar juga. Dia *tidak reti* [tidak tahu] membuat skrip kita tengok tetapi dia ada jalan cerita, jadi kita ambil dan kita *draft* [rangka] dan olah balik bagilah dia sedikit. Ya apa lagi adik?

AJ : Apa komen Datuk ada yang menyatakan drama cerita melayu ini semua sama sahaja?

DYH : Bagi saya, beginilah. Bukan kita sahaja. Saya pergi *overseas* [luar negara], saya pergi *France* [Perancis], kadang-kadang pergi luar negara saya pergi Indonesia dalam empat lima hari di situ. Sama juga, itu juga pusingnya. Hal keluarga, drama-drama Filipina apa semua sama. Yang datang sini dia ambil *the best* [yang terbaik], *the best choice* [pilihan yang paling terbaik]. Di sana juga sama. Kamu tengok gambar Indonesia, drama Hindustan juga sama. Isteri saya kata, dia suka tengok drama Hindustan ini, ini cerita Hindustan juga samalah. Pusing-pusing juga cerita yang sama. Dia bercinta, bercinta selepas itu dia pusing-pusing selepas itu dia bercinta lagi (sambil ketawa). Betul tidak? Sebenarnya bukan kata di sini sahaja, hampir drama melayu semua sama. Korea pun sama, yang datang drama Korea yang *the best* [paling terbaik] yang dia ambil. Betul bukan? Itu memang tidak boleh dielak. Ini berkarya, macam awak masak, macam awak masak benda yang sama sahaja bukan, dan awak makan juga kan. Itulah drama yang awak cakap sama itu, drama itu yang--. Macam sama juga kita buat drama *Sembilu* [drama arahan Datuk Yusof Haslam], banyak orang hantar dalam

surat-menyurat (sambil bermonolog, “Apa ini saya bosan dengan drama Sembilu tidak habis-habis, habislah cepat”). Saya mendengar orang *complain* [mengadu]. Jadi saya pergi tengok rating ya, bila rating datang, carta nombor *satu* [1] (sambil ketawa).

Betul tidak? Yang *complain* [mengadu] itu ramai tetapi yang tengok itu lagi ramai. Ya tidak? Yang suka itu lagi ramai. Jadi awak tidak boleh puaskan hari semua orang. Jadi macam dalam drama-drama yang awak *complain* [mengadu] kadang-kadang, drama itu yang *rating* [kedudukan] dia bagus. Itu sebabnya stesen televisyen suruh sambung. Kadang-kadang ada drama (sambil bermonolog, “wah drama ini bagus, tengok pelakon sahaja bagus tetapi *rating* [kedudukan] ke bawah”). Bila penerbit hendak sambung ya, ada yang kawan-kawan saya kata bagus *rating* [kedudukan] ini semua, awak pun kata bagus saya pun kata bagus tetapi penonton tidak suka. *Rating* [kedudukan] bawah, jadi kita mahu yang *rating* [kedudukan] tinggi. Ada masa yang bagus kita dapat *rating* [kedudukan], ada masa yang tidak bagus kita dapat *rating* [kedudukan]. Benda ini *very* [sangat] subjektif, karya seni ini sedikit payah. Kalau kita tahu selera orang, senang. Drama-drama melayu biasalah sama, cerita orang putih juga sama. Macam di Hollywood juga sama, mereka buat filem bukan, filem mereka juga sudah kehabisan idea juga itu yang mereka buat menggunakan *CGI* [Computer-generated Imagery] dan sebagainya bukan, *because* [kerana] cerita manusia ini apa, akhirnya pusing-pusing balik sama juga. Saya tengok juga drama-drama orang putih, tengok ada juga kisah lelaki dia cemburu dengan isteri dia,

yang itu ada skandal dekat luar. Pusing-pusing balik itu balik. Dengan mengabaikan rumahtangga dia, itulah pusing balik. Tengok drama tamil begitu juga. Tetapi drama tamil kadang-kadang mereka buat banyak isu-isu dunia dia, macam isu-isu semasa kerana mereka ini orang susah. Duduk merempat dan susah bukan? Jadi cerita-cerita yang keperitan masyarakat itu semua ditunjukkan dalam drama mereka. Tetapi di sini juga kalau awak hendak tunjuk *sometimes* [kadang-kadang] cerita kampung, kerana kita pernah suggest [mencadangkan] stesen televisyen. (sambil bermonolog, “Ini cerita apa Dato?”, “Ini cerita Kampung Nelayan”, “tidak usahlah Kampung Nelayan, tidak ada siapa mahu tengok, kalau telemovie boleh juga, siri-siri Kampung Nelayan ini saya tidak mahulah”). Saya mendapat reaksi daripada orang hantar. Orang sekarang sudah maju, mereka mahu cerita Bandar, cerita *urban* [Bandar]. Jadi cerita saya banyak drama *urban* [Bandar]. Mereka kata ini cerita kampong-kampung ini, sawah-sawah ini sekali bolehlah. Itu saya cakap terus terang. Bukan tidak mahu buat, tetapi stesen tidak mahu. *RTM* [stesen televisyen Malaysia] dulu hendak, dia juga sama sekarang. Cuma sesekali sahaja masuk, tengok *rating* [kedudukan] ada, *ok* [baiklah] kita sambung, kalau tidak cukuplah. Orang tidak mahu tengok cerita ini.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: HARAPAN TOKOH

FF : Apakah harapan Datuk sebagai penggiat tanah air dalam memperkembangkan perfileman?

DYH : Itulah saya punya Skop Production, bagi saya kami sekarang sudah boleh berkembang ke bidang yang bukan menjadi bidang yang kebiasaan, perlu kita buat filem kita lebih kepada filem-filem yang bercorak masyarakat biasa itu bukan? Kita tidak menggunakan pendekatan teknologi seperti *CGI* [Computer-generated Imagery]. Tetapi akhirnya dengan lahirnya *Syafiq* [anak Datuk Yusof Haslam] ke dunia ini, kita punya filem-filem akan datang ini bukan sahaja filem-filem professional tetapi filem-filem yang dekat dengan kemajuan hari ini. Macam kita dulu, kita dalam segi penceritaan kita buat filem-filem yang bagus bukan, kita dapat sambutan semua. Syamsul buat *KL Gangster* [filem arahan Syamsul] semua. Jadi itulah sentuhan Syamsul. Tetapi hari ini kita sudah ada pendekatan yang lain sedikit di mana macam *KRU* [syarikat perfileman] buat ya, *CGI* [Computer-generated Imagery], kita sudah ada studio yang khas untuk *CGI* [Computer-generated Imagery]. Kalau awak tengok nanti filem *Abang Long Fadil* [filem arahan KRU studio], *Tiga puluh peratus* [30%] menggunakan *CGI* [Computer-generated Imagery] macam *KRU* buat juga. Kebetulan Syafiq ini dia mempunyai kebolehan dalam *CGI* [Computer-generated Imagery]. Dia ada pengetahuan dalam *CGI* [Computer-generated Imagery]. Dia belajar mana? Dia belajar

sendirilah. Sama juga dengan *Yusri* [ahli KRU], dia belajar bahagian komputer. Dia daripada kecil dia minat, dia punya penguasaan apabila MDec panggil kita, dia punya penguasaan dari A sampai Z. mereka kena *present* [membentangkan] kertas kerja mereka, (sambil monolog, “mana awak tahu ini semua?”) Dia kata anak saya tahu *knowledge* [pengetahuan] ni. Lepas tu gambar dah siap, *diorang* [mereka] nak tengok. Apa *you* [awak] cerita tu dia tengok. Lepas *tiga bulan* [3 bulan] *diorang* [mereka] mahu tengok sebelum dia mahu bayar bayaran. Dia tengok, dia tunjuk dekat skrin. Dia *first time* [pertama kali] dia buat *presentation* [pembentangan] dekat *station* [stesen], *diorang* [mereka] tengok *diorang* [mereka] kagum tau. *Diorang* [mereka] kata “Datuk Yusof, *you’re very lucky* [awak sangat bertuah]. Kalau KRU ada Yusri, you ada Syafiq yang tahu ilmu pasal *CGI* [Computer-generated Imagery]. Dia yang menguasai benda ni, dia ada budak-budak dia. Pasal CGI ni bukan boleh temberang. Saya cakap *CGI* [Computer-generated Imagery] saya tahu je. Tak faham saya. Rumit *you know* [awak tahu]. Dia frame by frame tau yang boleh buat orang terbang apa semua kan. Haa, itu frame by frame. Yang kita buat drama-drama tv tu *simple* [mudah] je. Yang kita tengok kereta bom tu kan itu dia buat sekarang. Anak saya buat. Kalau kita buat sekarang kalau dulu nak bakar kereta tak payah. Dengan teknik *CGI* [Computer-generated Imagery] je boleh buat kereta-- Bila tembak *machine gun* [sejenis senjata] dulu nak pakai peluru kan, guna peluru kapur, tak payah. Itu je. Pasang api semua dengan *sound system* [system suara]. Haa, itu dah ada satu *acception*

[penerimaan] pada Skop Production kita dah ada bidang tu sekarang. Di mana kita akan pergi melepasi *CGI* [Computer-generated Imagery] dalam masa yang sama kita akan pergi 'Animation' *pulak* [pula]. Jadi kita Skop Production bukan sahaja filem-filem berbentuk biasa, filem-filem yang ada menggunakan *CGI* [Computer-generated Imagery]. Kalau Syamsul dia punya bidang dalam bentuk aksi, cerita seram macam Khurafat, so Syafiq dia akan buat filem-filem yang bercorak *CGI* [Computer-generated Imagery]. Dia *start* [mula] daripada cerita *SAM* [filem arahan Syafiq]. Haa, *SAM* [filem arahan Syafiq] tu nampak dia ada benda-benda yang tu kan. Tu *CGI* [Computer-generated Imagery] tu kita buat. Kita pun tak minta dana tu. Kita keluarkan tiga ratus lebih duit kita. Bila kita tu, kata orang *Finas* [Maklumat Industry Perfileman] kenapa Datuk tak minta, kita ada bajet. Itu start kali dia buat cerita menggunakan *CGI* [Computer-generated Imagery]. Jadi kita Nampak syarikat kita, *Skop* [syarikat perfileman Datuk Yusof Haslam] bukan sahaja akan menjadi sebuah syarikat semata-mata buat filem-filem berbentuk biasa. Tapi cerita-cerita yang ada menggunakan teknik *CGI* [Computer-generated Imagery]. Saya rasa kena lah yang drama-drama kita pun. Syafiq pun akan membuat sebuah drama. Dia mendapat projek daripada *RTM* [stesen televisyen Malaysia]. Dia hantar *proposal* [kertas kerja]. Dia dipanggil suruh buat nama cerita dia, *Cinta Dari Marikh* [filem arahan Syafiq]. Haa, konon-konon planet Marikh dua orang mari sini, menyerupai orang, Jadi jatuh cinta. Jadi RTM tengok ("Ohh, bagus idea ni"). *You know* [awak tahu]. Cerita lain sikit la. Takde la stereo je kan.

Jadi bile dia buat macam tu dan diorang akan tengok dia punya *draft* [lakaran] tu nampak menarik. Jadi dia Syafiq akan *start* [mula] buat filem tu la. Penggambaran dalam *dua bulan lebih* [2 bulan lebih]. Dia ada unit dia. So, dia buat *CGI* [Computer-generated Imagery].

(Pintu diketuk. Kakitangan Skop Production masuk untuk meminta sedikit pendapat daripada Datuk Yusof Haslam).

Kita jual filem *KL Gangster satu* [filem arahan Syafiq]. Ada pasaran dia. Pasal *diorang* [mereka] tengok trailer *KL Gangster dua* [2], dia dapat menarik minat pada pembeli luar Negara. *Diorang* [mereka] hantar email dekat kita mereka cakap mereka tak pernah tengok local filem setakat ini ada trailer macam ni, nampak menarik. Mereka mahu beli lah. Kita berpakat dengan *KRU* [syarikat perfileman] sebab *KRU* ada *cable International* [orang luar]. Ada *International networking* [hubungan antarabangsa], kita serah pada *KRU* untuk uruskan. Ada *dua* [2] filem kita nak jual, *KL Gangster satu* [1] dengan *KL Gangster dua* [2]. Tapi kita kena letak sarikata dalam bahasa inggeris. Kalau rezeki ada boleh jual la dalam *dua juta* [RM 2,000,000] duit kita dapat tampung kerugian kita. Saya bagi la komision dengan *KRU*. Kalau dia dapat jual *satu juta* [RM 1,000,000], *tiga ratus ribu* [RM 300,000] dia punya. Jadi dia lepas pergi *overseas* [luar negara] kan. Marketkan filem itu sebab dia cakap *movie* [filem] saya ada *market* [pasaran], kita tunjuk trailer sikit pun mereka dah berminat. Sebab dia tidak *slow* [lambat] kan. Sebab Syamsul punya ni dia jenis *fast* [cepat] cutting. Kelebihan pada Syamsul ni, gambar aksi dia bagus. Dia punya *action* [aksi]

tu laju. Terus terang saya cakap, saya sendiri nak buat gambar macam itu tak terkejar saya. Tuhan bagi dia *satu* [1] pengetahuan ilmu, dia cepat tangkap. Syamsul bagus. Macam dia buat cerita *Khurafat* [filem arahan Syamsul]. *Khurafat* tu saya tengok skrip dia pasal cerita hantu. Siapa nak tengok cerita ini, berlambak-lambak cerita hantu. Tapi *takpe* [tidak mengapa], itu bajet murah. Saya belanjakan cerita itu *satu perpuluhan dua juta* [RM 1,200,000]. Bila gambar siap, saya tengok lain jadinya, persembahan cerita dia. Gambar itu kutip *lapan juta* [RM 8,000,000], itu murah punya bajet. Gambar cerita itu bagus. (Telefon berdering). Cara dia buat cerita itu lain sikit lah. Itu Syamsul punya kelebihan. Itu lah, kita mengharapkan yang terbaik.

AJ : Boleh saya tahu, siapa teman rapat Datuk dalam bidang seni?

DYH : Sebenarnya kawa-kawan saya tidak ramai. Kawan ramai, tapi yang rapat betul itulah tok misai tu, A. Galak. Tapi dia dah tua dah. Saya pun kesian. Saya dengan dia jauh beza. Dalam *empat belas tahun* [14 tahun] beza. Walaupun dia tidak banyak ilmu dari segi *business* [perniagaan], tapi dari segi penceritaan, dari segi berkongsi idea, walaupun dia tua, kadang-kadang idea dia itu bagus. Itu yang *sometimes* [kadang-kadang] kita berkongsi idea dengan dia. Dia orang saling suka mendengar. Saya paling rapat dengan dia la kalau orang-orang filem ni, dia, dulu ada sorang wartawan veteran nama dia--- *You tak kenal kan?* [Awak tidak kenal kan?] Dia wartawan veteran zaman P. Ramlee, dah meninggal dah. Dulu dia buat kerja-kerja belakang,

buat sinopsis, tapi sudah tidak *relevant* [sah] dah. Tapi saya ambil *point* [isi] la. Dia punya babak panjang-panjang, tapi saya tidak suka babak panjang-panjang. Itu la Syamsul ikut saya. Saya suka babak itu biar cepat. Sebab orang nak teknik itu biar cepat. Dulu punya sistem dengan sekarang dah lain. Syamsul, lagi cepat. Kalau dulu nak buat itu ini A sampai Z semua lambat. Orang sekarang semua nak ke depan. Dan sekarang sudah ada internet. Mereka tengok je dah boleh buat filem. Cucu saya sendiri pun sudah pandai buat drama dah. Ini menunjukkan bidang ni bukanlah satu bidang yang rahsia lagi. Sesiapa sahaja boleh buat kalau ada bakat, ada keinginan, ada kemahuan, boleh buat. Ada lagi? Mana kawan *you* [awak] panggil la ke dalam.

AJ : Adakah Datuk mempunyai kelab peminat Datuk sendiri?

DYH : *Takde* [tiada]. Saya pun tidak minat. Lagipun saya tidak suka main dengan *Twitter* [laman sosial] semua itu saya tidak minat. Saya jauhkan diri dengan benda itu. Anak saya semua ada. Cucu saya semua ada. Orang rumah saya. Sebab saya banyak kerja harian la. Saya buka internet saya cuma tengok *youtube* [laman sosial] sahaja. Tapi kadang-kadang, laman sosial ni bagus, tapi buruk *ni* [ini] banyak juga. Misal kata kamu ada Twitter, kamu nak tweet tweet. Kemudian *sometimes* [kadang-kadang] benda-benda yang tidak seharusnya *share* [kongsi] dekat situ dah terkeluar. Katalah kamu tengah *hot tempered* [tengah marah] kamu tengah marah orang ni, tiba-tiba kamu meluahkan perasaan marah kamu dalam Twitter. Kadang-kadang kamu

tidak sedar, itu bahaya. Orang tengok dah marah marah. Pihak sana bantai. Itu yang bagi saya kurang baik. Sebab kadang-kadang segala-galanya nak *share* [kongsi] sampai isteri saya hendak makan dengan saya pun tangkap gambar nak hantar dekat kawan dia. Gambar mee pun dia hantar (sambil ketawa). Sampai hilang *privacy* [kebersendirian] dah. Nak minum teh tarik pun, nak makan mee pun mahu tunjuk. Kalau tiada kerja *takpe* [tidak mengapa] la. Kita kerja banyak kan mana ada masa nak macam ni, hendak melayan orang semua. Tapi zaman hari ini la kan mereka nak tweet sana. Saya sebab bidang ni saya berserabut banyak kerja nak buat, *diorang* [mereka] setakat mesej saya. Itu pun kadang-kadang saya balas, kadang-kadang *nak* [hendak] balas saya *tak* [tidak] balas. Tengok masa, kadang-kadang bila balas mesej takut orang salah tafsir. Kadang-kadang bukan niat kita. Kalau pasal politik ni saya terbuka dengan semua orang. Saya baik dengan semua orang. Tapi kita adalah penyokong kerajaan, tapi saya tidak mahu dilabelkan sebagai anti-pembangkang. Bagi saya itu hak dia. Kita bukan setuju dengan dia, tapi lantak dia. Kita tidak mahu bantai mereka dalam kita punya forum. Benda itu bahaya. Apa lagi adik? Nak Tanya apa lagi?

FF : Cucu Datuk ada berapa orang?

DYH : Cucu saya ada *tiga* [3] orang. Itu daripada anak tiri saya. Mereka tinggal dengan saya.

AJ : Anak tiri seorang je?

DYH : Ya, seorang. Faizal nama dia. Abang Syamsul la. Umur dia dah *tiga puluhan* [30an]. Masa saya kahwin dengan Datin, dia kecik lagi dalam *enam tahun* [6 tahun].

AJ : Adakah dia terlibat dengan bidang lakonan?

DYH : Ada. Dia buat drama. Kalau *you* [awak] tengok drama-drama dalam Gerak Khas ada nama Faizal Yusof tu, dia la tu. Pengarah, Faizal Yusof, itu anak saya. Nama bapa dia Senin. Faizal Bin Senin. Tapi dalam drama saya kan, dia letak Faizal Yusof. Bapa dia pun sudah meninggal. Jadi daripada kecil saya bela dia. Masa bapa dia bercerai dengan Datin, masa itu dia kahwin tidak sampai setahun dua tahun dia bercerai. *Lepas tu* [selepas itu] Datin jumpa saya, kita kahwin. Jadi bekas suami dia pun sudah kahwin lain. Dia ada anak. Faizal ni pun ada adik-beradik dia. Adik-beradik tiri dia. Dulu dia *dah* [sudah] putus hubungan lama. Suatu masa itu bila Faizal nak kahwin, dia *tak* [tidak] jumpa bapak dia langsung. Saya bagitahu dia supaya cari bapa dia, jemput dia masa kenduri. Datin cakap jangan. Saya cakap tidak mengapa, panggil sahaja dia. Dia ada bapa, saya cuma bapa tiri dia. Jemput sahaja dia datang. Sebab apa, bagi saya, ada hikmahnya. Saya cakap dengan Datin, kalau dia *tak* [tidak] kahwin dengan saya, dia pun tidak jadi Datin. (Ketawa). Dia pun tidak akan jadi isteri Yusof Haslam. Saya kalau tidak kahwin dengan dia, mungkin saya tidak sampai macam hari ini. Sebab saya pun naik daripada bapa mertua saya. Bapa mertua saya banyak membantu

saya. Saya buka restoran, bapa mertua saya bantu saya. Dia bekas tentera. Dia banyak bagi modal, bantu saya buka kantin. Dia banyak bagi semangat dekat saya. Dia orang *Penang* [salah sebuah negeri di Malaysia]. Dia suruh saya cuba, dan terus mencuba. Jadi, saya tidak lupa jasa dia. Bagi saya, apa yang berlaku ni ada hikmahnya. Jadi saya kahwin dengan Datin, dapat Syamsul, bintang saya terang. Saya buka restoran jadi, buka itu jadi, buka *company* [syarikat] drama *tv* [televisyen] jadi. Jadi ada keserasian di situ. Itulah, kadang-kadang saya bagitahu dia jangan salahkan bekas suami dia sebab ceraikan dia. Ini hikmah Allah Ta'ala. Segala-galanya sudah tertulis. Bersyukur dengan apa nikmat yang Tuhan bagi. Alhamdulillah. Lagi apa nak tanya adik? Daripada setengah jam, sudah sejam dah.

Dalam bidang apa *you* [awak] hendak berjaya sekalipun kena ada ketekunan, disiplin, lepas itu *you* [awak] kena belajar. Macam saya sebagai pengarah filem, saya dulu belajar pun dari proses macam P. Ramlee. Tengok pengarah mengarah, saya ikut belakang dia, tengok cara buat skrip. Saya berlakon drama-drama *RTM* [stesen televisyen Malaysia] tahun tahun *lapan puluhan* [1980an] *you* [awak] pun belum lahir lagi kan? Saya tengok cara dia buat skrip. Dari situ kita belajar. Masa *Jins Shamsuddin* [seniman Malaysia] buat filem pun saya tengok skrip, dari situ kita belajar. Sekarang lagi senang, kan. Macam Syafiq, dia tidak pernah pernah mengarah filem. Tapi saya buat praktikal melalui drama *tv* [televisyen], tu untung anak-anak saya. Syamsul buat drama bersiri Gerak Khas. Banyak episod dia buat.

Lepas tu [selepas itu] dia buat drama Sembilu, Sembilu Kasih, itu Syamsul yang buat. Syafiq pun sama dia buat drama bersiri Gerak Khas, saya tengok praktikal dia buat bagus. Baru boleh buat filem. Mula kita pantau, tengok skrip dulu, bukan betul lagi. Kita labur banyak, sekali kalau gagal, habis kita. Betul tak? Tapi *diorang ni* [mereka ini] Alhamdulillah, *diorang* [mereka] ada platform. Kebetulan *diorang tu* [mereka itu] ada darah seni saya. Saya pun tidak sangka. Bukan kata bapa jadi doktor, anak doktor, tidak. Bapa dia pengarah, anak pengarah, tidak. Kebetulan Syamsul ini dia ikut *step* [jejak] saya. Darah seni itu ada. Lagi baik daripada saya. Sebab bidang dia hari ini bidang IT [Information Technology], segala-galanya ada. Syafiq pun sama, usia budak hingus *lapan belas tahun* [18 tahun]. *Lapan belas tahun* [18 tahun] dia mengarah filem *SAM* [filem arahan Syafiq]. Pada mulanya saya takut *jugak* [juga], tapi bila tengok hasil dia, itu pemikiran bukan budak umur *lapan belas tahun* [18 tahun]. *Dah* [sudah] ke depan. Memang *diorang dah* [mereka sudah] banyak membaca, Syafiq itu banyak membaca. Dia baca buku-buku daripada luar negara. Dia pula daripada sekolah antarabangsa, English dia bagus. (Datuk menjemput kami minum). Kamu dari mana? Sama semua ni? Orang Kelantan semua? Kamu dari mana? (Sambil menunjukkan ke arah Fathin).

FF : Saya orang Johor.

DYH : **Macam mana *you* [awak] sampai ke Kelantan *pulak* [pula]?**

FF : Dapat tawaran dekat sana.

DYH : Ohh, *you* [awak] Johor, *you* [awak]? (Sambil menunjukkan ke arah Arni).

AJ : Saya *KL* [Kuala Lumpur].

DYH : ***KL kat mana?* [Kuala Lumpur dekat mana?]**

AJ : Pantai Dalam.

DYH : Ohh, Pantai Dalam. Saya pernah kerja sebagai konduktor bas dulu. Saya jadi *bus conductor* [konduktor bas] daripada *Brickfields* [daerah di Kuala Lumpur] sampai ke Pantai Dalam. Saya kerja *sepuluh bulan* [10 bulan] bas rosak semua. Dulu tambang bas *sepuluh sen* [10 sen], *lima sen je* [5 sen sahaja]. Abang saya Yunus, dia *tu* [itu] kekal. Dia *tu* [itu] yang sibuk tarik saya. Dia suruh saya kerja supaya jangan bazir waktu. Saya kerja *sepuluh bulan* [10 bulan], dan masa *tu* [itu] pergi berlakon jadi pelakon tambahan. Masa itu umur baru dalam *lapan belas tahun* [18 tahun]. Tapi abang saya *tu* [itu] tidak macam saya. Dia itu orang setia. Sampai dia pencen dia kerja *Srijaya* [syarikat bas di Kuala Lumpur]. *Tiga puluh tahun* [30 tahun] lebih. Dia marah saya masa saya berhenti kerja *tu* [itu]. Saya gaduh dengan dia. Saya tinggalkan *Srijaya tu* [itu] macam *tu* [itu] je. Saya dapat peluang kontrak dengan _ _ _ . Saya kerja dengan *Srijaya* untuk mengisi waktu sahaja. Ini pengalaman. Kerja masa orang susah kan. Tapi dia sampai dia pencen, habis pencen umur dia *lima puluh lima tahun* [55 tahun], tidak ke

mana. Dah tiada kerja, saya ambil dia kerja dengan *Haslam Restoran* [restoran Datuk Yusof Haslam]. Rupanya dia ni tiada *management* [pengurusan]. Dia cuma jadi pelayan-pelayan, bersih-bersihkan meja. Sebab daripada dulu lagi dia kerja dia potong tiket, dia lurus bendul la. Orang yang jujur. Sekarang dia kerja dekat Haslam restoran. Dia sudah tua, sudah *enam puluh lapan* [68 tahun]. Selepas itu baru dia sedar, betul apa yang saya cakap. Dia memang tidak reti apa. Dia abang yang tua, jadi dia jaga adik-adik. Jadi, *of course* [sudah tentu] la dia punya *mission* [misi] tidak macam kita. *M. Daud Kilau* [penyanyi dangdut] dulu pun Srijaya juga. Dia kerja cuci bas. Dia menyanyi, raja gelek, tapi zaman dulu menyanyi pun sakit. Nak cari makan pun susah. Zaman awal *tujuh puluhan* [1970an]. Dia pun raja gelek ni kurang la. Dia zaman Sharifah Aini, DJ Dave, ada la orang panggil dia menyanyi. Dapat la *lima puluh ringgit* [RM 50], *seratus ringgit* [RM 100]. Dia kerja bas, kerja-kerja cuci bas. Saya ingat lagi. Saya bas konduktor, kerja *sepuluh bulan* [10 bulan], datang pagi-pagi dia tengah cuci bas. Dia ingat saya. Dia kerja *empat tahun* [4 tahun], *lima tahun* [5 tahun]. Sekarang dia sudah okay dah. Sekarang dia pun Alahmdulillah, anak-anak pun sudah besar-besar.

Kebanyakan orang yang berjaya bukan semuanya datang daripada keluarga senang. Ada keluarga susah, bukan semua. Tapi bagus kalau keluarga susah. Kalau kita keluarga senang, kita tidak merasa dari segi keperitan kehidupan. Sebab itu saya tidak kisah kalau suatu masa kita duduk di

bawah. Saya tidak kisah. Tapi *of course la* [sudah tentu] kehidupan kita *taknak* [tidak mahu] patah balik. Saya pun nasib baik, Alhamdulillah, anak-anak dapat meneruskan *legacy* [warisan] saya. Kalau ikutkan dalam usia saya macam *ni* [ini], kalau tidak ada orang *nak* [mahu] teruskan, mungkin saya akan buat *tv program* [rancangan televisyen]. Saya buat drama-drama *tv* [televisyen]. Untuk pergi filem, saya nampak--- saya pun masih mahu mengarah lagi, tapi tengok anak sudah pergi lagi dahsyat, isteri saya pun ada bagitahu kalau anak dah pandai mengarah filem saya kene buat lagi baik daripada anak saya. (Ketawa kecil) memang tidak terkejar la. Dia punya idea gila-gila. Tapi kebetulan anak saya Syamsul ni ada la ukuran yang saya bagi yang dia tak senang, contoh macam perbualan dalam filem *Bohsia* [filem arahan Syamsul]. *Bohsia* itu keras sangat. Saya suruh buang, dia *taknak* [tidak mahu] buang. Itu yang saya kata, boleh la tapi jangan keras sangat. Bila keras sangat ni kadang-kadang bila nak main kat *tv* [televisyen] tidak boleh. *That's why* [sebab itu] *bohsia satu* [1] itu sampai sekarang dia tidak main dekat *RTM* [stesen televisyen Malaysia] dengan *TV3* [stesen televisyen Malaysia]. Dia main dekat *Astro* [stesen televisyen Malaysia] sahaja. *Pukul sepuluh ke atas* [10 p.m.]. Siang tidak boleh. Pasal isu itu la. Kata-kata bual yang *double meaning* [dua maksud]. Tapi generasi baru hari ini, *generasi Y* [generasi masa kini], *diorang* [mereka] memang suka memberontak. Dia punya filem pada realiti. Tapi ada baik juga. Tapi kita ini ada kekangan dengan *sensor board* [papan pengesan] tapi *sensor board* [papan pengesan] sekarang ini tidak macam dulu. Oleh kerana

adanya internet, dia bagi kelonggaran. *That's why* [sebab itu] kalau awak tengok macam KL Gangster *satu* [1], KL Gangster *dua* [2], walaupun ada kata-kata bual yang keras, kita letak juga. Cuma kita potong sedikit. Kalau tidak masa zaman saya dahulu filem itu haram. Zaman saya kalau saya nak buat cerita macam Bohsia itu, macam cerita KL Gangster *satu* [1] ke *dua* [2] tidak boleh. Realitinya kalau kita tengok gangster, cara dia cakap macam itu lah. 'Lu mau apa?' Dia tak kata 'engkau'. Kita masih lagi buku lama. 'Aku kirimkankan kau ke neraka' Gangster tak cakap macam tu. (Ketawa). Anak saya Syamsul, dia tengok filem *KL Gangster dua* [KL Gangster 2] dia cakap skrip *tu* [itu] skema. Sebab zaman dulu---. Ada sekali *tu* [itu] saya pakai *lu* [awak] tapi produser suruh potong. Dia tidak bagi saya guna perkataan itu sebab mahu martabatkan Bahasa Melayu. Saya terpaksa buang. Pasal itu saya takut. Bila pergi zaman Syamsul, kebetulan zaman *IT* [Information Technology], zaman dunia siber ini, jadi *diorang* [mereka] pun sudah *open* [terbuka]. Itu beza filem Syamsul dengan filem orang. Gambar dia nampak tidak cliché sangat, dari segi dialog. Setengah orang boleh terima. *Diorang* [mereka] mahu sesuatu yang berbeza. Baiklah, habis dah? Nak tanya apa lagi?

FF : Mudah tak kalau kita sebagai pengarah filem hendak terbitkan filem ke peringkat antarabangsa?

DYH : Dia begini, peringkat antarabangsa ni, untuk tembus, untuk jual ke peringkat antarabangsa bukan senang. Bukan kita je. Filem Australia pun

yang gunakan bahasa Inggeris, gambar-gambar dia pun yang sebenarnya hanya sebahagian sahaja yang lepas ke peringkat antarabangsa. Setengah itu *diorang* [mereka] pasar dalam negeri *je* [sahaja] sebab *market* [pasaran] luar Negara ni banyak kali *call* [hubungi] saya, dia punya filem dari Amerika, ataupun Great Britain. Tetapi pada hari ini sudah banyak filem-filem tempatan, filem-filem kita yang mana macam KRU, bukan kata untuk tayang panggung, tapi tayang di stesen tv [televisyen] luar. Sebab filem kita sendiri pun, filem KL Gangster ditayangkan di luar. *Diorang* [mereka] beli dan ditayangkan. Kita punya *KL Drift* [filem arahan Syamsul] pernah ditayangkan di Jepun. Kali pertama, kita dapat dekat *seratus ribu* [RM 100,000] duit kita. Kita jual. Tapi stesen tv [televisyen] sana ambil untuk rancangan tv [televisyen] sahaja. Itu pun sudah bagus. Tinggal Indonesia sahaja yang *tak* [tidak] ada. Indonesia ni *diorang* [mereka] terlalu rigid sangat. Mereka tidak mahu filem Malaysia masuk dan menguasai filem *diorang* [mereka]. Kalau kita bagi murah pun *diorang tak nak* [mereka tidak mahu]. Tapi kita sendiri, kerajaan kita dasar pintu terbuka. Filem luar boleh masuk. Tapi kalau nak tengok drama-drama dia, dari segi *the making* [di sebalik tabir], kita lagi standard. Mereka tidak mahu filem-filem kita. Mereka ni ada semangat kenegerian yang kuat. Itu masalah dia. Jadi, kita ni masih bertolak ansur. Kita beli filem-filem *diorang* [mereka] tapi *diorang* [mereka] haram tidak mahu. Itulah saya ada mencadang kepada pihak kerajaan, macam Petronas, kenapa tidak Petronas cuba mainkan filem kita, drama kita, dan bawakkan ke sana. Bayar stesen sana, dia punya *air time*

[masa bersiaran], dan ditaja oleh Petronas. Tapi tidak ada usaha dari pihak sini untuk *promote* [pasarkan] filem kita ke sana dengan cara macam ini. Kalau nak buat boleh. Petronas kan kaya. Cuba dapatkan peruntukan, minta stesen sana main cerita melayu, dan *tak payah* [tidak perlu] risau pasal bayaran. Petronas bayar mereka. Sebab itu kadang-kadang ada masanya bila lahirnya *Finas* [Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia], tujuan dia Tun Mahathir buat untuk majukan industri filem. Pada masa yang sama pula, pihak-pihak yang ni tadak ada usaha untuk majukan filem Malaysia ke luar Negara. Kita boleh lihat ada yang bantu, ada yang tidak. Macam *Finas* [Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia], dia dah bantu industri filem, dari segi sistem yang ditayang. Tentang filem yang bocor ni, tentang halal haram dia biarkan. Lanun-lanun yang dekat dalam ni dibiarkan. Kadang-kadang kita nak cakap pasal hak kita pun jadi masalah. Kita dalam industri filem ni hanya boleh nampak kita ni buat filem untuk mengenyangkan tauke tauke cina. *Diorang* [mereka] yang banyak senang. Macam filem saya, KL Gangster. Yang mengedar segalanya adalah cina cina kafir. Dialah kepala tauke. Dia punya CD haram dah siap ada tulisan cina dekat luar. Itu kerja *diorang* [mereka]. *Diorang* [mereka] gunakan kuasa duit unuk dapatkan bahan-bahan. Gambar belum tayang lagi dia buat. Pertama dia nak sabotaj, yang kedua dia nak buat *big money* [buat duit]. Dekat Sabah Sarawak, hari kedua KL Gangster keluar daripada internet, tersadai semua dah jual. Gambar kita ni belah Sabah Sarawak, belah Utara, Selatan, Pantai Timur, sambutan kurang. Amat kurang. Harapkan Kuala Lumpur *je* [sahaja]. Tapi

takpelah [tidak mengapa], Tuhan itu kaya. Walau macam ini pun Alhamdulillah kita dapat kutip dekat *lima juta* [RM 5,000,000]. Kerugian tu ada, besar. Bajet besar kan. Sekurangnya kita dapat tabur balik modal. Saya pun tidak menyesal. Ada hikmah setiap apa yang berlaku. Bukannya kata gambar kita kena curi kita jadi *bankrupt* [muflis]. Tapi insyaAllah saya mintak anak-anak saya kuatkan semangat dia. Syamsul kena kuat.

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D: JUMLAH FILEM YANG TELAH TOKOH TERBITKAN

FF : Setakat ni berapa jumlah filem yang Datuk terbitkan?

DYH : Kita dah terbitkan *dua puluh lebih* [20 lebih]. *Dah nak dekat tiga puluh la* [sudah hampir 30] filem.

FF : Pada pendapat Datuk, drama atau filem yang lebih banyak untung?

DYH : Sebenarnya begini. Buat filem ni lagi tidak untung. Lagi menakutkan. *You* [awak] tidak tahu balik modal ke tidak. Saya cuma tergolong dalam manusia yang Tuhan bagi rezeki lebih sikit la. Gambar-gambar Skop kebanyakannya ada untung, ada untung banyak, ada untung *sikit* [sedikit]. Paling tidak pun kita balik modal. Bagi saya, lebih selamat *you* [awak] buat drama. Buat drama pun bukan senang. Kadang kalau *you* [awak] buat benda yang ala barai je banyak stesen *tv* [televisyen] tolak. Kalau dia nampak

teruk sangat terus *diorang* [mereka] tolak. Lagi-lagi kalau *RTM* [stesen televisyen Malaysia]. Orang ingat buat filem ni mudah. Nak buat drama tv [televisyen] bukan senang. Kalau *you* [awak] hantar ke *TV3* [media prima] lagi *straight* [tegas]. *Tv tiga* [tv3] dia swasta. Dia lagi bagi untung *je* [sahaja]. Dia nak bayar kecil dia nak pelakon yang hebat. Macam *RTM* [stesen televisyen Malaysia] dikira longgar. Walaupun longgar, dia pun ketat----

Penonton tidak akan pergi panggung untuk menonton cerita melayu. Jadi cerita-cerita yang hebat-hebat pun, yang akan datang, orang sudah tidak kisah. Itulah kita sayang. Sebab hari ini, orang boleh menonton produk-produk yang bagus melalui internet sahaja. Kalau buka internet, ada yang bagus yang kita boleh tengok *free* [percuma]. Apa yang *nak* [hendak] dihairankan. Sekurang-kurang *you* [awak] buat tidak kecewakan orang pun *takpelah* [tidak mengapa], tapi jangan buruk. Inilah antara faktor-faktor yang menyebabkan kejatuhan filem melayu. Pasal kalau ada *sepuluh* [10] filem, kalau dah lima enam filem lebih banyak buruk daripada yang baik, yang baik pun orang dah *tak* [tidak] pandang. Apa lagi?

FF : **Datuk Yusof punya drama banyak dekat *RTM* [Radio Televisyen Malaysia], kenapa *tak* [tidak] banyak dekat *TV3* [media prima]?**

DYH : **Ada dekat *TV3* [media prima]. Kita ada buat dekat *TV3* [media prima] dulu. *Air Mata Maria, Sembilu, Maria Mariana*, [drama arahan Datuk Yusof] sebab saya memang berniaga. Kenapa sebab saya jarang pergi dekat *TV3***

[media prima], pasal bayaran. Bayaran *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] dengan *TV3* [media prima] jauh sangat beza. *TV3* [media prima] ni orang nak cari *glamour* [popular]. Pasal *TV3* [media prima] ni ramai orang tengok. Bagi saya, saya nak *glamour* [popular] apa, syarikat saya dah terkenal. *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] pun saya dah terkenal dulu. *TV3* [media prima] pun saya pernah buat. Saya pegang *dua tahun* [2 tahun] saya buat drama Sembilu, di *TV3* [media prima]. Saya pernah buat Air Mata Maria, saya pernah buat cerita Maria Mariana bersiri, dulu kan. Saya tengok makin lama makin kurang. Kalau *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] boleh bayar *empat puluh lima ribu* [RM 45,000], pergi *TV3* [media prima] bayar *tiga puluh lima ribu* [RM 35,000], *satu jam* [1 jam] kita bercakap. *Sepuluh ribu short* [RM 10,000 rugi] tu. Kalau saya buat *setahun* [1 tahun] *lima puluh* [50] episod, saya dah rugi berapa? *Lima ratus ribu* [RM 500,000]. *Lima ratus ribu* [RM 500,000] *tu* [itu] boleh saya gunakan duit itu untuk tampung syarikat. Tapi kalau saya buat untuk *TV3* [media prima], saya punya katalah, paling banyak *lima ribu* [RM 5,000], *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] boleh untung *sepuluh ribu* [RM 10,000]. Mana saya nak kejar. Setakat untung *lima ribu* [RM 5,000] atau *dua ribu* [RM 2,000], salah salah pun untung tidak ada. Skop Production ada *enam puluh orang* [60orang] pekerja. Operasi syarikat itu sahaja paling rendah *dua ratus ribu sebulan* [RM 200,000]. Tak buat drama, membayar gaji sahaja. Syarikat kita sudah *tiga puluh tahun* [30 tahun]. Semua orang dah kenal.---

Itulah sebenarnya dalam bidang seni ni pun kita namapk--- kita berbicara

senang. Dia cakap kenapa tak macam ni, kenapa tak macam ni, tapi sebenarnya banyak pancaroba juga. Banyak halangan-halangan, cabaran di luar. *You* [awak] nak buat filem pun bukan mudah. Nak bagi orang beli tiket pergi panggung, bukan mudah. *Lepastu* [selepas itu] kalau *you* [awak] buat *tv program* [program televisyen] bukan mudah. Ditonton oleh berjuta-juta orang. Jadi bukan kerja mudah.

FF : **Jadi, apa nasihat Datuk kepada anak- anak muda yang nak melibatkan diri dalam bidang perfileman?**

DYH : Nasihat saya pertama sekali, mesti ada minat. Bukan nak kejar *glamour* [popular]. Kalau nak kejar *glamour* [popular], ini bukan bidangnya. You mesti ada minat. Bila you minat bidang ni, you kena sungguh-sungguh, kena fokus, baru datangnya *glamour* [popular]. Kalau *you* [awak] nak kejar *glamour* [popular] dulu, kalau *you* [awak] tidak ada fokus, awak tidak ada minat, buang masa sahaja. Bidang ni semakin lama semakin mencabar. Sebab itu orang yang minat dalam bidang ni semakin lama semakin ramai. Sebab di kalangan *students IPT* [pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi] ramai juga yang jumpa saya mahu berlakon apa semua. Sebab mereka nampak bidang ni menjanjikan pulangan yang baik. Orang sekarang pun kalau keluar dari unversiti, gaji *seribu setengah* [RM 1,500], jadi mereka fikir dengan masuk dalam bidang seni sama ada berlakon atau menjadi jurugambar, atau kerja di belakang tabir pun *income* [pendapatan] dia lebih sedikit. Jadi masing-masing nak masuk bidang ini. Terutamanya lakonan.

Bidang lakonan hari ini, kalau *you* [awak] bagus, pendapatan boleh sampai *tiga puluh ribu* [RM 30,000] sebulan. Syamsul sendiri pernah berlakon cerita *Amira* [drama episode di TV3], dengan *TV3* [media prima] Dia berlakon *Amira*, dia hanya perlukan masa *dua puluh lapan hari* [28 hari] sahaja. Dia sibuk masa itu. *Dua puluh lapan hari* [28 hari] dia *shooting* [penggambaran], saya difahamkan dia dapat *lima puluh ribu* [RM 50,000] untuk *dua puluh lima episod* [25 episod]. Bulan itu sahaja. Sebab mereka bayar dia tinggi. Sebenarnya bayaran dia pun tidak berapa tinggi. Bukan *tak* [tidak] tinggi la, tapi bayaran juga. Tapi kalau kita ambil *satu episod* [1 episod] *seribu pun* [RM 1,000], dah *dua puluh lima ribu* [RM 25,000]. Hanya setengah jam sahaja rancangan. Oleh kerana stesen *tv* [televisyen] mahukan dia, produser sanggup bayar dia sampai harga *dua ribu lebih* [RM 2,000 lebih]. Jadi dia dapat *lima puluh ribu lebih* [RM 50,000 lebih] dalam masa *sebulan* [1 bulan]. Sebab itu kalau kita fikir, kita kerja kerajaan pun *tak* [tidak] merasa semua *tu* [itu]. Jadi, peluang-peluang ini yang orang lain nampak. Itu yang macam hari ini macam bintang-bintang kita macam *Remy Ishak* [pelakon filem dan drama], *diorang* [mereka] nampak bidang ini ada prospek. Dengan berlakon hari ini boleh hidup. Bukan macam zaman-zaman saya dahulu. Zaman saya dulu, saya berlakon, satu stesen bayar untuk satu siri, *enam ratus ringgit* [RM 600]. Zaman dahulu. Sebulan saya boleh berlakon paling banyak empat siri sahaja. Empat siri *dua ribu empat ratus* [RM 2,400] tahun *lapan puluh tiga* [1983] punya cerita. Pada hari ini, siri-siri *tv* [televisyen] boleh bayar satu episod, paling tidak pun *dua ribu*

[RM 2,000]. Kalau sebulan *you* [awak] boleh buat dalam *tiga belas episod* [13 episod], dah *dua puluh enam* [RM 26,000]. Kalau pelakon-pelakon yang ada nama, boleh *demand* [buat permintaan] lagi tinggi. Jadi, saya nampak prospek sebagai pelakon dalam dunia seni di Malaysia ni, bagus. *Student* [pelajar] yang masuk dalam bidang ni, dia punya imbuhan besar. Itu yang saya nampak. Kalau filem sekarang, kita nak ambil *Aaron Aziz* [pelakon filem dan drama], tidak kurang *lapan puluh ribu hingga seratus ribu* [RM 80,000-RM 100,000] untuk kerja *sebulan* [1 bulan]. Jadi, pengarah yang berkaliber macam Syamsul sendiri, dia ditawarkan dari luar sampai *dua ratus ribu* [RM 200,000]. Dia ditawarkan tinggi-tinggi pun dia tidak mahu pergi. Harga itu datang daripada *value you* [nilai awak]. Bila kita sukses, mengarah sukses, berlakon pun sukses, *you* [awak] dapat la bayaran tinggi. Kadang-kadang gambar itu berjaya tapi kombinasi daripada pelakon-pelakon lain, dari segi cerita, pengarah. Sebab pengarah ini macam kapten kapal. Dia akan kemudikan kapal itu. Pengarah memainkan peranan penting. Dia sebagai peneraju. Jadi, apa lagi?

AJ : Rasanya itu sahaja.

DYH : Jadi, apa sahaja wawancara ini, input input yang wajar sahaja *you* [awak] keluarkan. Dia punya cabaran sebenarnya terlalu luas sebagai pengarah filem. Saya pun dah dekat *enam puluh tahun* [60 tahun] umur saya. Saya akan terus berjuang dan berjuang demi memartabatkan dunia filem kita, dan

tidak ada noktah. Kenapa kita mahu berhenti kan. Pada saya, usia macam ni anak-anak dapat teruskan perjuangan. Harap anak-anak dpat kuatkan semangat untuk bersama bapanya untuk meneruskan *legacy* [warisan] Skop Production. Untuk buat file mini, perlu satu *teamwork* [kerja kumpulan]. *Teamwork* [kerja kumpulan] itu penting. Jadi nasihat saya kepada generasi baru, jangan anggap benda ini benda mudah. Walau apa kerja sekalipun kita buat, kita harus tanamkan semangat yang kuat, semangat yang kental untuk kita berjaya. Itu sahaja. Okay, Assalamualaikum.

AJ&FF : Wa'alaikumussalam.

TRANSKRIP TAMAT

Log Wawancara

BAHAGIAN A

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/ TEMPAT DIRUJUK
02:40	Latar belakang tokoh dan pendidikan	Sekolah Kebangsaan Polis Depot, Kuala Lumpur. Sekolah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur
06:44	Pekerjaan tokoh selepas tamat persekolahan	Bekerja sebagai konduktor bas Srijaya, pada usia tujuh belas tahun. Menjadi pelakon tambahan di RTM (Radio Televisyen Malaysia). Menjadi agen menjual kereta berpusat di Klang.
31:17	Pembukaan Restoran Haslam	Bertempat di aras bawah Skop Production, Production di Taman Danau Kota, Jalan Genting Kelang, Kuala Lumpur.

BAHAGIAN B

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/ TEMPAT DIRUJUK
37:08	Pencapaian tertinggi tokoh dalam bidang seni	Pelakon Lelaki Terbaik dalam Fiesta Filem Malaysia kali ke-4 menerusi filem Mekanik
46:03	Mengarah filem yang mencapai kutipan tertinggi	Menerusi filem Sembilu yang ditayangkan pada tahun 1994 dengan kutipan RM 6,000,000
55:14	Kenangan manis dalam bidang seni	Tokoh dapat kembangkan syarikat Skop Production di Taman Danau Kota, Jalan Genting Kelang, Kuala Lumpur.

BAHAGIAN C

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/ TEMPAT DIRUJUK
01:01:13	Harapan tokoh untuk memperkembangkan bidang perfileman	Dengan penggunaan <i>CGI</i> [Computer-generated Imagery]
01:06:16	KRU [syarikat hiburan]	Persiaran Cyber Point Selatan, Cyberjaya, Selangor.
01:09:37	Teman rapat tokoh	A. Galak iaitu pelakon dan juga teman rapat tokoh.
01:13:49	Bilangan cucu tokoh	Tokoh mempunyai tiga orang cucu.

BAHAGIAN D

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/ TEMPAT DIRUJUK
1:17:50	Jumlah filem yang telah tokoh terbitkan	Hampir 30 buah filem telah dihasilkan oleh tokoh.
1:21:31	Nasihat kepada anak muda yang ingin menceburkan diri dalam bidang seni	Mesti mempunyai minat, sungguh-sungguh dan fokus.
1:25:11	Harapan tokoh	Tokoh menanam harapan agar tanamkan semangat yang kuat dan semangat yang kental untuk berjaya.

INDEKS

INDEKS

A

A. Galak, 4, 8, 25, 39
Abby, 25
AC Mizal, 25
Aufin Shauki, 14
antarabangsa, 36, 43, 48
Astro, 4, 45
Aziz Jaafar, 4

B

bajet, 4, 9, 36
bapa, 2, 3, 4, 9, 14, 18, 21, 24, 25, 42, 43

C

CGI, 9, 21, 34, 35, 36

D

Datin, 4, 14, 21, 41, 42
Datuk Yusof Haslam, 4, 9, 14, 18, 25, 31, 33, 35, 36,
45
Dr Mahathir, 21
drama, 4, 8, 9, 14, 18, 21, 25, 30, 31, 32, 33, 36, 39,
42, 43, 45, 48, 50, 51, 53

F

Faizal, 14, 41, 42
filem, 4, 8, 9, 14, 18, 21, 25, 34, 35, 36, 39, 43, 45, 48,
50, 52, 54, 55
Finas, 36, 49

G

gerak khas, 25

I

industri, 4, 9, 49
internet, 21, 39, 40, 45, 49, 50
IT, 14, 43, 45

J

Janji Diana, 4, 25, 30, 31

K

keluarga, 18, 21, 24, 25, 33, 45
Khurafat, 36
KL Gangster, 35, 36, 45, 48
konduktor, 3, 44
KRU, 9, 35, 36, 48

M

modal, 9, 14, 21, 42, 49, 50

N

Norman, 25

P

P. Ramlee, 4, 9, 21, 39, 43
Petronas, 49
polis, 3, 4, 25, 30, 32
produser, 9, 45, 54

R

Restoran Haslam, 4, 18

RTM, 4, 31, 32, 34, 36, 43, 45, 50, 51

S

SAM, 36, 43

Sembilu, 4, 9, 21, 30, 31, 33, 43, 51

Skop Production, 2, 9, 14, 18, 25, 35, 36, 52, 55

skrip, 4, 8, 9, 25, 30, 31, 32, 36, 43, 45

Srijaya, 3, 45

Syafiq, 9, 14, 21, 25, 35, 36, 43

Syamsul, 4, 8, 9, 14, 21, 24, 25, 35, 36, 39, 41, 42, 43,
45, 48, 53

Syarikat, 4, 9, 14, 52

T

TV3, 4, 45, 50, 51, 53

U

Uji Rashid, 4

SENARAI SOALAN

SENARAI SOALAN

1. Apakah nama sebenar Dato Yusuf?
2. Apakah nama samara Dato Yusuf?
3. Dato Yusuf berasal dari mana?
4. Dari mana Dato Yusuf berasal?
5. Dimanakah Dato Yusuf menetap sekarang?
6. Bilakah tarikh lahir Dato Yusuf?
7. Siapakah nama bapa Dato Yusuf?
8. Siapakah nama ibu Dato Yusuf?
9. Siapakah nama isteri Dato Yusuf?
10. Bilakah tarikh perkahwinan Dato Yusuf?
11. Apakah pekerjaan isteri Dato Yusuf?
12. Bagaimanakah Dato Yusuf berkenalan dengan isteri Dato Yusuf?
13. Isteri Dato Yusuf berasal dari mana?
14. Berapa bilangan anak Dato Yusuf?
15. Berapa bilangan anak lelaki Dato Yusuf?
16. Berapa bilangan anak perempuan Dato Yusuf?
17. Siapakah nama-nama Dato Yusuf?
18. Berapakah umur anak-anak Dato Yusuf?
19. Apakah pekerjaan anak-anak Dato Yusuf?
20. Adakah Dato Yusuf mempunyai anak yang masih belajar?
21. Anak Dato Yusuf belajar dimana?
22. Adakah Dato Yusuf sudah mempunyai cucu?
23. Berapa ramaikah cucu yang Dato Yusuf ada?
24. Berapakah bilangan cucu lelaki Dato Yusuf?
25. Berapakah bilangan cucu perempuan Dato Yusuf?
26. Apakah taraf pendidikan Dato Yusuf?
27. Apakah pendidikan tertinggi yang Dato Yusuf ambil?
28. Dimanakah tempat pendidikan terakhir Dato Yusuf?

29. Sudah berapa lamakah Dato Yusuf terlibat dalam bidang seni?
30. Daripada selidik yang telah saya buat, Dato bermula dari bidang lakonan. Jadi, bagaimanakah Dato mula berkencimpung dalam bidang ini?
31. Sejak bilakah Dato Yusuf mula terlibat dalam bidang lakonan?
32. Bolehkan Dato Yusuf ceritakan saat mula-mula menjadi anak seni?
33. Apakah filem pertama yang Dato Yusuf lakonkan?
34. Berapa banyak filem yang telah Dato Yusuf berlakon?
35. Sejak bila Dato Yusuf mula berjinak-jinak dalam pembikinan filem?
36. Apakah filem pertama yang Dato Yusuf arahkan?
37. Apakah perasaan Dato Yusuf bila filem Dato mendapat sambutan yang hangat?
38. Berapakah jumlah filem yang telah Dato Yusuf terbitkan?
39. Adakah Dato Yusuf berpuas hati dengan filem arahan Dato Yusuf sendiri?
40. Bagaimanakah Dato Yusuf boleh beralih minat dari seorang pelakon kepada pengarah filem dan drama?
41. Apakah kesukaran atau halangan semasa mula-mula menjadi pengarah drama dan filem?
42. Adakah Dato Yusuf mempunyai produksi sendiri?
43. Apakah nama produksi yang telah Dato Yusuf tubuhkan?
44. Berapa lamakah produksi ini telah beroperasi?
45. Apakah matlamat produksi 'Skop Production' ini?
46. Bagaimanakah Dato Yusuf membangunkan produksi ini?
47. Apakah pencapaian tertinggi produksi ini dalam bidang seni?
48. Apakah kenangan manis Dato Yusuf ketika berada dalam bidang seni?
49. Apakah kenangan pahit Dato Yusuf dalam bidang ini?
50. Apakah halangan atau cabaran yang telah Dato Yusuf hadapi dalam mengukir nama di persada seni?
51. Adakah Dato Yusuf pernah memenangi sebarang anugerah sepanjang bergelar anak seni?
52. Apakah perasaan Dato Yusuf ketika memenangi anugerah tersebut?
53. Anugerah apakah yang memberi seribu kenangan manis buat Dato Yusuf?

54. Apakah harapan Dato Yusuf dalam membangunkan industri perfileman di Malaysia?
55. Selain bidang lakonan dan perfileman, bidang apa lagi yang Dato Yusuf ceburi?
56. Apakah bidang yang paling Dato Yusuf paling minat?
57. Sebagai seorang pengarah dan memiliki perniagaan sendiri, bagaimanakah Dato Yusuf membahagikan masa antara kerjaya dan keluarga?
58. Apakah aktiviti yang sering Dato Yusuf lakukan ketika waktu lapang?
59. Dengan siapakah Dato Yusuf sering luangkan masa bersama?
60. Dimanakah tempat yang selalu Dato' Yusuf lawati ketika bercuti di dalam atau luar negara?
61. Adakah Dato' Yusuf ingin melebarkan sayap untuk membawa filem arahan Dato' Yusuf hingga ke peringkat antarabangsa?
62. Adakah mudah bagi Dato' Yusuf untuk mempromosikan filem arahan Dato' ke peringkat antarabangsa?
63. Apakah kekangan yang Dato' Yusuf hadapi dalam menembusi filem arahan Dato' di pasaran antarabangsa?
64. Apakah medium yang Dato' Yusuf juangkan dalam bidang seni?
65. Apakah persatuan yang telah Dato' Yusuf sertai dalam bidang seni?
66. Apakah sumbangan yang telah Dato' Yusuf berikan selain dari bidang perfileman yang telah menaikkan nama Malaysia?
67. Sebagai seorang yang berbakat, pada pandangan Dato Yusuf apakah kriteria yang perlu ada pada seseorang anak seni?
68. Sebagai seorang pengarah, apakah ciri-ciri yang perlu ada pada pelakon itu jika ingin membintangi filem arahan Dato Yusuf?
69. Apakah ciri-ciri untuk menjadi pengarah yang berjaya?
70. Pada pendapat Dato Yusuf, apakah perbezaan antara pelakon-pelakon dahulu dan sekarang?
71. Pada pendapat Dato Yusuf, apakah perbezaan sistem pengarahannya dahulu dan sekarang?
72. Pada pendapat Dato Yusuf, apakah perbezaan bidang perfileman masa dahulu dan sekarang?

73. Apakah matlamat Dato Yusuf sendiri dalam bidang seni?
74. Apakah nasihat Dato Yusuf kepada sesiapa yang ingin mencaburi bidang lakonan?
75. Apakah saingan Dato Yusuf dalam mengarah sesebuah filem?
76. Adakah anak Dato Yusuf, Shamsul Yusuf akan mengambil alih Syarikat Skop Production milik Dato?
77. Apakah harapan Dato Yusuf sebagai penggiat seni tanah air?
78. Sebagai anak seni yang berbakat, apakah komen Dato Yusuf tentang pelakon baru di Malaysia?
79. Siapakah teman rapat Dato Yusuf dalam bidang seni?
80. Adakah Dato Yusuf mempunyai ramai teman selain dalam bidang seni?
81. Adakah Dato Yusuf mempunyai kelab peminat Dato Yusuf sendiri?
82. Apakah harapan Dato' Yusuf untuk menaikkan nama penggiat seni tanah air?
83. Apakah cadangan Dato' Yusuf untuk menaikkan industri perfileman Malaysia setanding dengan filem luar Negara?
84. Apakah cadangan Dato' Yusuf untuk memartabatkan industri filem untuk pergi lebih jauh lagi?

RUJUKAN

RUJUKAN

- Biodata Datuk Yusof Haslam | Penerbit Skop Productions | defarhano.com. (n.d.). *Biodata Datuk Yusof Haslam | Penerbit Skop Productions | defarhano.com*. Retrieved November 27, 2013, from <http://www.defarhano.com/2011/07/biodata-datuk-yusof-haslam.html>
- Persatuan Penerbit Filem Malaysia (PFM) - Member Directory. (n.d.). *Persatuan Penerbit Filem Malaysia (PFM) - Member Directory*. Retrieved October 1, 2013, from <http://www.pfm.org.my/member/info/173>
- Skop Production Sdn Bhd (Kuala Lumpur). (n.d.). *Skop Production Sdn Bhd*. Retrieved November 27, 2013, from <http://wikimapia.org/5079568/Skop-Production-Sdn-Bhd>
- Yusof Haslam. (n.d.). - *Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas*. Retrieved November 27, 2013, from http://ms.wikipedia.org/wiki/Yusof_Haslam

LAMPIRAN

Pejabat Timbalan Pengarah Kampus
(Hal Ehwal Akademik)
Campus Deputy Director Office
(Academic Affairs)

Universiti Teknologi MARA Kelantan
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia
Website : http://www.kelantan.uitm.edu.my
Tel : (09) 976 2266 Faks : (09) 976 2156
E-mel : ipheak@kelantan.uitm.edu.my



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA
KELANTAN

Tarikh : 30 September 2013
No. Fail : 100-KK(HEA 30/7/2)

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

<u>BIL</u>	<u>NAMA</u>	<u>NO. UTM</u>
1.	ARNI JAMALINA BINTI AHMAD JAMILI	2011877472
2.	FATHIN FARIHAH BINTI MD AMIN	2011416578


Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari Ijazah Pengurusan Maklumat (IM225), Bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan matapelajaran yang mereka ikuti iaitu ORAL DOCUMENTATION (IMR604).

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang dipertukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi ARNI JAMALINA BINTI AHMAD JAMILI

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian terima kasih.

Yang benar


IMRAN BIN MOHAMED @ ISMAIL
Penoiong Pendaftar Hal Ehwal Akademik
b/p TIMBALAN REKTOR AKADEMIK





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan DATUK MOHD YUSUF BIN HASLAM

Pada 16 OCTOBER 2013

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari 20 SEPT..... (tarikh). Dipersetujui pada 9 OCT 2013..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

(Datuk Mohd Yusof Bin
Md Haslam/Khan)
Pengkisah

Ketua Program
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi Mara




Gambar 1: Gambar ketika sesi temuramah



Gambar 2: Datuk Yusof Haslam menerima cenderahati.



Gambar 3: Bergambar bersama Datuk Yusof Haslam selepas sesi temuramah.



Gambar 4: Sebahagian daripada anugerah yang pernah diterima oleh Datuk Yusof Haslam